



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK BORHAN BIN SULAIMAN

TOKOH DAN PENKISAH

MENGENAI SEJARAH KAMPUNG BATU BADAQ

MUHAMMAD ARIFF BIN MAZLAN

(2022923813)

MOHAMAD AMIRUL AZREE BIN ZULKARNAIN

(2022905849)

SEMESTER MAC – OGOS 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK BORHAN BIN SULAIMAN

TOKOH DAN PENKISAH

MENGENAI SEJARAH KAMPUNG BATU BADAK

MUHAMMAD ARIFF BIN MAZLAN

(2022923813)

MOHAMAD AMIRUL AZREE BIN ZULKARNAIN

(2022905849)

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK

(KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD

SEMESTER MAC – OGOS 2023

	ISI KANDUNGAN	M/S
i	Abstrak	I
ii	Penghargaan	III
iii	Senarai Abreviasi	V
iv	Senarai Singkatan	VII
v	Rujukan Kata	IX
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penebual Kedua	1 - 3
2.0	Biodata Tokoh/ Pengkisah	4 - 5
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif 3.3 Kepentingan	6 - 9
4.0	Kajian Literatur	10 - 12
5.0	Trankscrip Temubual Bersama Pengkisah	13 - 62
6.0	Log Temubual	63 - 72
7.0	Ralat	73 - 74
8.0	Glosari	75 - 77
9.0	Indeks	78 - 79
10.0	Bibliografi	80 - 82
11.0	Lampiran 11.1 Surat Perjanjian 11.2 Senarai Soalan 11.3 Diari Penyelidikan 11.4 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	83 - 92

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi rakaman menyeluruh temubual mengenai projek sejarah lisan sejarah Kampung Batu Badak, Segamat, Johor bersama tokoh atau pengkisah yang merupakan anak jati Kampung Batu Badak iaitu Encik Borhan bin Sulaiman yang juga merupakan seorang daripada ahli Persatuan Sejarah Segamat. Beliau telah berkongsi mengenai maklumat-maklumat dan sejarah mengenai Kampung Batu Badak ini dan penemuan Batu Nisan Aceh dengan mendalam dalam sesi temubual yang dibangunkan. Pengdokumentasian daripada sesi temubual ini akan memberi impak dalam merungkai isu-isu yang berkaitan dengan sejarah atau asal usul Kampung Batu Badak ini. Soalan-soalan yang disediakan dan diajukan kepada pengkisah terbahagi kepada empat bahagian iaitu soalan orientasi, soalan umum, soalan khusus dan maklumat tambahan yang merukana soalan yang berkaitan dengan kajian sejarah lisan berkaitan Kampung Batu Badak dan juga termasuk dengan penemuan Batu Nisan Aceh. Sesi temubual ini dijalankan selama 1 jam 10 minit dan 10 saat pada tarikh 22 Jun 2023 di No. 8 Jalan Baung 15, Kampung Batu Badak, Segamat, Johor yang merupakan rumah kediaman pengkisah. Melalui sejarah lisan ini, diharapkan agar masyarakat Malaysia terutama dalam golongan muda dan generasi akan datang dapat mengetahui tentang bagaimana sejarah Kampung Batu Badak ini dibangunkan.*

Kata Kunci: Kampung Batu Badak, Segamat, Transkrip, Sejarah

Abstract: *This transcript contains a comprehensive recording of an interview about the oral history project of the history of Kampung Batu Badak, Segamat, Johor with a figure or storyteller who is a native of Kampung Batu Badak, Mr. Borhan bin Sulaiman who is also a member of the Segamat Historical Society. He has shared information and history about Batu Badak Village and the discovery of Aceh's Tombstones in depth in the interview session that was developed. The documentation from this interview session will have an impact in unraveling issues related to the history or origin of Kampung Batu Badak. The questions prepared and asked to the storyteller are divided into four parts, which are orientation questions, general questions, specific questions and additional information that form questions related to the study of oral history related to Batu Badak Village and also including the discovery of Aceh's Tombstones. This interview session was conducted for 1 hour 10 minutes and 10 seconds on 22 June 2023 at No. 8 Jalan Baung 15, Kampung Batu Badak, Segamat, Johor which is the narrator's residence. Through this oral history, it is hoped that the Malaysian community, especially the young and future generations, can learn about how the history of Kampung Batu Badak was developed.*

Keywords: Kampung Batu Badak, Segamat, Transcript, History

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim dan Assalamualaikum w.b.t, Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnianya. Kami telah berjaya menyiapkan tugas ini pada tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mana mana pihak yang terlibat secara langsung dan bukan secara langsung membantu kami dalam menjayakan tugas kami bagi subjek ini. Sungguh tidak ternilai Kerjasama yang diberikan sehingga kami berjaya berada di tahap ini.

Selain itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada pensyarah kami, Madam Azura binti Abdul Jamil@ Kamarudzzaman, terima kasih banyak atas bimbingan dan sokongan penuh kepada kami yang dapat memudahkan tugas ini. Beliau sungguh tenang dan sabar dalam mencurahkan ilmu serta melayan karenah kami. Beliau juga tidak pernah berputus asa berusaha dalam menerangkan setiap perkara bagi memastikan kami faham dan dapat mengeluarkan apa yang diajar. Tugas ini tidak akan dapat dilakukan tanpa bimbingan beliau.

Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih dan rasa sayang kepada ahli keluarga dan rakan kami kerana telah banyak membantu kami. Mereka juga memberikan dorongan dan kata kata semangat ketika kami menyiapkan tugas ini. Mereka membantu kami dengan menjawab setiap pertanyaan yang kami uterakan kepada mereka. Kami tidak akan sesekali melupakan bantuan yang mereka beri kepada kami dan kami amat menghargai jasa mereka yang tidak ternilai.

SENARAI ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
KG.	Kampung
NGO	Non-governmental organisation

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

BS: Borhan bin Sulaiman

MA: Muhammad Ariff bin Mazlan

AZ: Mohamad Amirul Azree bin Zulkarnain

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Ni	Ini
Takde	Tidak Ada
Jugak	Juga
Je	Sahaja
Tu	Itu
Anu	(Berfikir Seketika)
Pastu	Selepas Itu
Gitu	Begitu
Sorang	Seorang
Dekat	Kat/ Di
Aje	Sahaja
Pulak	Pula
Tukor	Tukar
Kirije	Kerja
Pasal	Sebab
Taruk	Letak
Besor	Besar
Pikir	Fikir
Muor	Muar
Biaselah	Biasa lah
Tetiba	Tiba-tiba
Dorang	Mereka
Tak	Tidak
Bawak	Bawa
Abis	Habis
Kene	Kena
Korek	Menggali
Leborkan	Lebarkan

1.0

BIODATA TEMUBUAL

1.1 PENEMEBUAL PERTAMA



Nama	Muhammad Ariff bin Mazlan
Alamat	No.4 Lorong 91 Sungai Isap 2 25150, Kuantan Pahang, Malaysia
No. Telefon	013 - 9478479
Emel	Ariffvp1487@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod Fakulti Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik Universiti Teknologi Mara Kampus Segamat, Johor

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Nama	Mohamad Amirul Azree bin Zulkarnain
Alamat	No. 58, Jalan Kempas 7, Taman Megah Ria 81750 Masai Johor, Malaysia
No. Telefon	011 - 11071256
Emel	Amrlazree01@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod Fakulti Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik Universiti Teknologi Mara Kampus Segamat, Johor

2.0

BIODATA

PENGGKISAH/TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH/ PENGKISAH



Nama	Borhan bin Sulaiman
Umur	72 tahun
Alamat	Jalan Baung 15, Kampung Batu Badak, 85000 Segamat, Johor
Status	Duda dan mempunyai 3 orang anak
Pekerjaan	Pekerjaan sendiri
Agama	Islam

3.0

SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Segamat merupakan sebuah nama daerah berkeluasan 2807-kilometer persegi dan mempunyai jumlah penduduk sekitar ratusan ribu yang terletak di negeri Johor Darul Takzim, Malaysia. Nama daerah Segamat ini dipercayai berasal daripada sebuah kisah pada sekitar kurun yang ke-16 lagi, di mana dipercayai Sultan Ahmad dan orang-orangnya telah melarikan diri dari Melaka kerana diserang oleh Portugis lalu bertapak di daerah pagoh sebelum melarikan diri ke hilir Pahang. Lalu terdapat sebuah sungai yang disinggahi oleh Datuk Bendahara dan para pengikutnya untuk berehat sambil meminum air sungai yang mengalir tersebut, dan dipercayai air sungai tersebut teramatlah segar dan dialog "segar amat" sering diulangi oleh Datuk Bendahara ketika minum air sungai tersebut. Dengan itu, dipercayai nama daerah Segamat telahpun dicipta dan diperkenalkan oleh peristiwa tersebut. Oleh itu, selepas Segamat diperkenalkan, telah bertambahlah jumlah penduduk di daerah ini dan bilangan kampung yang terdapat di kampung ini juga semakin bertambah dan bertahan sehingga ke hari ini.

Di samping itu, terdapat sebuah kampung di daerah Segamat yang dikenali sebagai Kampung Batu Badak. Kampung Batu Badak ini terletak di pinggiran sungai yang merupakan sejarahnya yang tersendiri. Oleh itu, dalam kajian ini kami telah mengumpul sebanyak yang mungkin maklumat, bukti dan kisah yang sebenar bagi sejarah Kampung Batu Badak ini. Kajian ini dijalankan kerana kealpaan masyarakat dan generasi masa kini yang dilihat semakin hari semakin pudar atas impak daripada kemajuan dan kecanggihan teknologi pada masa kini yang telah mengakibatkan berlaku kekeliruan dalam mendapatkan kisah dan sejarah yang sahih tentang Kampung Batu Badak ini. Oleh itu, kami telahpun mengadakan sesi temu bual Bersama pengkisah yang bernama Encik Borhan bin Sulaiman yang merupakan seorang insan atau tokoh bagi Kampung Batu Badak bagi kami mengumpul sebanyak yang mungkin maklumat tentang Kampung Batu Badak.

Dengan itu, Kami telah menjalankan perjumpaan bersamanya secara bersemuka bagi mendapatkan persetujuan bagi menjayakan kajian kami dalam memastikan kisah, asal usul dan apa-apa maklumat yang berkait dapat dikumpulkan bagi tujuan dokumentasi, penyebaran dan meluaskan lagi sejarah Kampung ini bagi para masyarakat umum di masa hadapan.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Terdapat beberapa objektif yang telahpun kami gariskan bagi menjalankan Projek Sejarah Lisan ini, antaranya adalah bagi:

- Bagi merungkai sejarah dan asal usul Kampung Batu Badak agar dapat didokumentasikan sebagai sumber premier/ utama.
- Mengelakkan kekeliruan antara masyarakat tentang sejarah penubuhan nama Kampung Batu Badak ini.
- Bagi merungkai sejarah kewujudan Batu Nisan Aceh di Kampung Batu Badak.
- Memahami corak pentadbiran di Kampung Batu Badak.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Pada era globalisasi di alaf ke 21 ini, dunia menyaksikan masyarakat meletakkan isu sejarah sebagai keutamaan. Ini kerana sejarah merupakan sebuah mekanisme pengukuhan negara bangsa Malaysia di samping menjayakan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan (Mohamad Rodzi, 2009). Oleh itu sebagai masyarakat Malaysia yang bertanggungjawab, sejarah haruslah menjadi keutamaan dan dikuasai oleh semua rakyat di Malaysia. Oleh itu, bagi penduduk Daerah Segamat, amatlah penting bagi mereka mengetahui tentang sejarah kampung- kampung yang terdapat di sekitar mereka supaya sejarah dan usaha keras tokoh pada zaman dahulu tidak ditelan zaman dan sentiasa diingati sepanjang zaman.

Antara kepentingan dan sumbangan kajian ini adalah dapat menyumbang kepada masyarakat tempatan. Hal ini demikian kerana, kajian tentang sejarah Kampung Batu Badak ini telah berjaya membuka mata dan menunjukkan nilai atau berapa pentingnya sesebuah sejarah yang telahpun berlaku walaupun kejadian tersebut telah lama berlaku. Ini penting bagu memastikan setiap tokoh, kisah dan asal-usul Kampung Batu Badak ini sentiasa diperingati oleh masyarakat diluar sana. Selain itu, kajian ini juga telahpun sedikit sebanyak menambah pengetahuan bagi penduduk tempatan yang sudah tahu tentang sejarah Kampung Batu Badak ini. Manfaat juga dapat diberikan kepada generasi baharu yang tertanya-tanya tentang keunikan daripada wujudnya kampung ini di Daerah Segamat. Dengan itu, jelaslah bahawa kajian ini amat penting bagi masyarakat tempatan dalam memastikan sejarah Kampung Batu Badak ini tidak hilang ditenggelami zaman.

Seterusnya, Dengan pelaksanaan kajian ini juga turut menyumbang kepada Persatuan Sejarah Segamat atau Persatuan Sejarah Malaysia dari segi penambahan sumber atau maklumat sedia ada tentang fakta-fakta yang telah direkodkan tentang Kampung Batu Badak ini. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak lagi informasi yang masih menjadi tanda tanya oleh segelintir pihak tentang sejarah Kampung Batu Badak ini. Oleh itu, dengan bantuan pengkisah atau tokoh yang telah kami temui, sedikit sebanyak beberapa persoalan dapat dijawab dengan lengkap. Perkara ini juga penting dalam memastikan segala fakta yang tersebar luas di Internet dapat diperbetulkan jika mempunyai kesalahan atau kekeliruan yang timbul oleh segelintir penduduk tempatan. Oleh itu, Benarlah bahawa dengan wujudnya kajian seperti ini, penambahan maklumat atau sumber dapat dipertambahkan dengan banyak dan menjawab beberapa persoalan yang telah lama dipendam.

Akhir sekali, dapat dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa hadapan juga merupakan salah satu daripada kepentingan dan sumbangan daripada kajian yang dijalankan ini. Ini kerana, seperti yang kita ketahui, tidak banyak sumber ataupun bahan rujukan yang wujud terutamanya dalam menceritakan atau mengkisahkan tentang kampung yang terpencil dan kecil yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, dengan wujudnya kajian ini, segala maklumat yang telah didokumentasikan sedikit sebanyak dapat membantu para penyelidik pada masa hadapan menggunakan maklumat yang berjaya diperoleh oleh kajian kami untuk penggunaan mereka pada masa hadapan. Dengan itu, amatlah berkepentingan kajian yang kami jalankan ini pada masa hadapan terutamanya dalam tujuan penyelidikan.

4.0

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

Pembangunan sejarah lisan yang dihasilkan merupakan suatu kaedah yang amat penting bagi sesebuah ketamadunan. Setiap kejadian, tidak kira besar atau kecil, akan tercatat dalam sejarah, sama ada sejarah negara atau sejarah seluruh planet (Salahudin, 2020). Hal ini kerana, masyarakat pada ketika ini hanya mengenali sedikit akan sejarah tentang tamadun yang telah dibina oleh orang-orang terdahulu di mana ia merupakan titik peluh bagi mereka untuk menjayakan sesuatu legasi yang ingin di bangkitkan bagi mereka yang sentiasa memerlukan penempatan bagi mereka untuk meneruskan kehidupan masyarakat pada ketika itu. Struktur sesebuah negara atau masyarakat banyak dipengaruhi oleh budaya dan tamadun. Sejarah menunjukkan bahawa ketinggian tamadun masyarakat Melayu dahulu telah dicapai oleh sebuah bangsa yang mempunyai identiti tersendiri dan berpegang teguh kepada Islam (Majid et al., 2018). Hal-hal demikian perlulah dikaji dan disebarkan oleh masyarakat pada masa kini kerana ia merupakan elemen-elemen sejarah yang sangat penting bagi kita untuk mengerahui asal usul sejarah sesuatu ketamadunan lokasi-lokasi tersebut. Dengan adanya nilai sejarah yang diceritakan, kita sebagai masyarakat yang hidup pada era ini akan lebih menghormati dan berkenang jasa terhadap masyarakat-masyarakat terdahulu yang sanggup mencurahkan segala titik peluh, dan masa mereka untuk membina sesebuah ketamadunan

Ketamadunan Segamat merupakan sejarah yang perlu diketengahkan. Segamat, daerah tertua di negeri Johor, dikenali sebagai "Daerah Lagenda" dan mempunyai sejarah yang panjang (Zahid Dol, 2015). Daerah Segamat amatlah kaya dengan sejarahnya tidak hanya dari segi faktanya, malahan terdapat banyak kisah lagenda yang dapat kita ketahui dari buah mulut masyarakat-masyarakat lama di Segamat. Pada abad ke-18, Segamat juga disebut sebagai "Rantau Panjang". Ini ada kaitan dengan keadaan bumi ketika itu di sekitar Sungai Segamat (Zahid Dol, 2015). Antara kisah paling popular berkenaan dengan daerah segamat in adalah tentang jambatan putus yang berada di Buloh Kasap. Ketika disoal mengenai letupan jambatan, beliau menjawab bahawa peristiwa yang menimbulkan nama jolokan jambatan itu, "jambatan patah," berlaku di Tanah Melayu semasa peringkat awal Perang Dunia Kedua (Zakaria, 2016). Ini merupakan salah satu sejarah yang sering dibual di bibir-bibir masyarakat kini kerana kesan pertempuran di kawasan tersebut dapat dilihat secara berhadapan dan menempelkan satu kesan yang mendalam terhadap masyarakat di sekitarnya.

Tidak hanya pada itu, Segamat juga menjadi pusat perlancongan di mana di daerah ini mempunyai banyak gunung-gunung yang cantik dan juga air terjun yang terletaknya di Segamat. Salah satu air terjun yang sering dikunjungi oleh masyarakat-masyarakat lebih-lebih lagi pada musim panas ini adalah Gunung Ledang. Gunung Ledang tidak asing lagi dengan masyarakat di negara ini dek kerana kisah-kisah lagenda dan mitos mengenainya. Menurut Zulkifli (2019), Sudah lama diketahui malah termasuk dalam dua buah tulisan kuno, Hikayat Hang Tuah dan Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), adalah hikayat Puteri Gunung Ledang dan menurut legenda, puteri itu menjaga Gunung Ledang dan 'dipercayai' masih menetap di sana sehingga kini. Dia digambarkan mempunyai kecantikan yang indah. Terdapat banyak tafsiran berbeza mengenai kisah puteri cantik itu, dan salah satunya bermula dengan kemangkatan pasangan Sultan Mahmud Shah, Sultan kelapan dan terakhir yang memerintah Kerajaan Melaka antara 1488 dan 1511 (Nasron, 2015).

5.0

TRANSKRIP

TEMUBUAL BERSAMA

PENGGISAH

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH PENGKISAH

MA: Okay, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang diri Encik Borhan dan Sejarah Kg. Batu Badak. Bersama-sama kami ialah Encik Borhan bin Sulaiman yang merupakan pengkisah bagi projek kami hari ini iaitu Projek Sejarah Lisan tentang Kampung Batu Badak.

BS: Batu Badak, Ya.

MA: Rakaman ini dijalankan pada tarikh dua puluh dua [22] Jun 2023 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3 petang bertempat di No.8 Jalan Baung 15, Kg. Batu Badak, Segamat Johor, iaitu merupakan tempat tinggal atau rumah Encik Borhan sendiri. Jadi kita boleh mula dengan soalan bahagian pertama iaitu soalan orientasi. Jadi Encik Borhan, bolehkah Encik ceritakan tentang latarbelakang Encik Borhan dulu? Nama penuh Encik Borhan.

BS: Saya nama penuh saya Borhan bin Sulaiman, Haa lahir Tarikh lahir sepuluh [10] haribulan dua [2], 1951 (10 Febuari 1951). Lahir di Kg. Batu Badak ini lah, Umur [72] tahun.

MA: Adakah Encik merupakan anak jati Kg. Batu Badak?

BS: Ohh, Saya memang dilahirkan di Kg. Batu Badak ni kira anak jati lah.

MA: Oh, kira lahir dekat sini takde pindah-pindah la?

BS: Haa takde.

MA: Lahir, kerja dan sekolah dekat sini jugak?

BS: Ya sekolah sini, Bekerja tu ada juga pergi ikut keluar lah. Haa bekerja tu ada ikut keluar tapi, saya sekolah memang dekat sini la.

MA: So [Jadi], secara amnya Encik Borhan sudah bertapak di Kg. Batu Badak ni selama tujuh puluh dua [72] tahun.

BS: Mengikut usia dah tujuh puluh dua [72] tahun lah.

MA: Ohh ya ikut usia la senang. Okay, Bolehkah haa Encik Borhan ceritakan sedikit tentang sejarah Pendidikan Encik Borhan?

BS: Ohh saya hanya sekolah sampai sekolah rendah je.

MA: Oh Sekolah Rendah?

BS: Ya rendah, Sekolah rendah je. Sampai darjah enam [6] je.

MA: Di sekolah mana tu Encik?

BS: Di Sekolah Kebangsaan Gemereh.

MA: Ohh, Sekolah sini jela?

BS: Haa sekolah dekat je, Dekat Kg. Batu Badak ni Sekolah Kebangsaan Gemereh.

MA: Oh, Haa adakah Encik. Borhan ingat tahun Encik Borhan masuk sekolah dan tamat sekolah?

BS: Saya masuk sekolah tu Tarikh dia tahun 1957.

MA: Ohh sampai darjah enam [6] la?

BS: Haah sampai darjah enam [6] lebih kurang dalam tahun

MA: Enam puluh tiga [63]? Enam puluh dua [62]

BS: Haa mula-mula lima puluh tujuh [57], enam puluh dua [62]?

MA: Ya enam puluh dua [62].

BS: Haa enam puluh dua [62], Haa sampai enam puluh dua [62] tu saya takde melanjutkan persekolahan lagi la.

MA: Ohh okay haa seterusnya, apakah faktor yang mendorong Encik Borhan dalam meminati bidang pengumpulan bahan sejarah atau fakta-fakta tentang Kg. Batu Badak ini? Apa yang menarik minat Encik Borhan la?

BS: Oh, saya bermulanya berminat ni tentang sejarah ni bermulanya apabila ketika saya menemui Batu Nisan Aceh la.

MA: (Sambil mengangguk) Ohh.

BS: Dari situlah bermulanya sebab saya buka Sejarah Persatuan Sejarah anu Segamat ni, Bermakna Ketika itu diorang sibuk tengah cari Batu Nisan Aceh.

MA: Ohh, Masa tu tengah viral la?

BS: Tengah viral, Diorang tengah viral mencari mana-mana tempat yang ada miliki Batu Nisan Aceh. Kebetulan saya memang ada terjumpa Batu Nisan Aceh, Pastu di situ saya tertarik, Ohh! Ini bahan-bahan sejarah yang perlu kita anu kan lah kepada orang ramai kan! (Sambil membuat wajah terkejut) Disebabkan orang ramai kan jadi, bermula daripada situ lah.

MA: Jadi, Kat mana Encik jumpa Batu Nisan Aceh tu?

BS: Ohh saya jumpa Batu Nisan Aceh ni ketika saya nak buat rumah saya ni dulu lah! (Sambil tersenyum) Masa saya tengok kawasan tapak rumah saya ni, saya jumpa batu nisan.

MA: Ohh masatu rumah ni tak terbina lagi?

BS: (Sambil mengangguk) Tak terbina lagi. Haa itu dalam tahun lapan puluh [80] lapan puluh dua [82] la (tahun 1982). Haa lebih kurang dalam lapan puluh dua [82] ke lapan puluh tiga [83] gitu la saya dah lupa, tapi rasanya... tahun lapan puluh tiga [83] (tahun 1983) la saya jumpa, bermulanya saya jumpa Batu Nisan Aceh.

MA: Jadi Batu Nisan Aceh tu dah terpatah la kan?

BS: Haa Batu Nisan Aceh tu dah patah, Jadi oleh sebab mungkin benda tu dah rosaknya mungkin ditinggalkanlah.

MA: Ohh jadi bukanlah Encik jumpa kubur, mayat?

BS: Haa, Kubur memang takde la. Jumpa Batu Nisan Aceh je, sebab kebetulan dulu tapak rumah saya ni dulu ada orang tinggal. Haa orang di haa apa ni salah sorang pengikut Bedahara Tepok.

MA: Ohh! (Sambil terkejut)

BS: Haa Bendahara Tepok, Bermula di Segamat naik ke Kg. Lubok Batu dan salah seorang pengikut dia naik Kg. Batu Badak. Jadi diam di sini la, dia buat rumah dekat sini, penempatan dekat sini dia tak pergi ke Kg. Lubok – Batu

MA: Uhhh (Sambil berfikir) okay selesai untuk Batu Nisan Aceh, Kita pergi kepada pekerjaan tuan sejak awal.

BS: Okay.

MA: Jadi bolehkah kami tahu bilakah tuan menceburi bidang pekerjaan?

BS: Ohh, (Sambil cuba mengingati) Saya menceburi bidang pekerjaan ni haa dalam tahun 1972 saya telah berhijrah ke Singapura.

MA: (Sambil menganggukan kepala) Singapura.

AZ: (Sambil menganggukan kepala) Ohh, Singapura.

BS: Okay 1972 saya telah berhijrah ke Singapura kebetulan saya dapat bekerja di Singapura sana, Jadi saya pergi ke Singapura.

MA: So, [Jadi] pekerjaan pertama Encik Borhan di Singapura?

BS: (Sambil mengangguk) Di Singapura.

MA: Bukan di Malaysia?

BS: (Sambil mengangguk) Bukan di Malaysia.

MA: Apa jenis pekerjaan Encik kat sana?

BS: Haa? (Sambil tertanya apakah soalan yang ditanya)

MA: Apa pekerjaan pertama Encik kat sana?

BS: Ohh! Pekerjaan pertama saya dulu ketika saya pergi ke Singapura tu adalah tempat loji penapis minyak.

MA: (Sambil mengangguk) Ohh!

BS: Company [Syarikat] Esso! Sebuah pulau dekat Singapore [Singapura] tu dia panggil Pulau Chawan, Jadi saya bekerja di sana.

MA: Banyaklah haa orang Malaysia jugak kerja kat sana?

BS: (Sambil cuba mengingati semula) Hmm boleh dikatakan hampir lima belas [15] peratus (15%) la.

MA: (Sambil mengangguk) Ohh lima belas [15] peratus (15%) orang Malaysia?

BS: (Sambil mengangguk) Haa betul orang Malaysia yang bekerja di situ, lebih kurang lima belas [15] peratus (15%) ada la orang Malaysia.

MA: Apa faktor yang membuatkan Encik ingin bekerja di sana?

BS: Dia begini faktornya pertama ketika itu, di – senang cerita di Malaysia ni la, peluang pekerjaan tu agak terhad la. Takde lagi kan? Di Singapura ketika itu dia tengah nak cuba membangun, jadi macam-macam projek yang ada. Jadi kebetulannya saya dapat peluang untuk pergi sana jadi saya bekerja di Singapura la! (Sambil tersenyum) Itu peringkat awal la! Peringkat awal.

MA: Berapa lama Encik bekerja di sana ya?

BS: Saya bekerja loji penapis minyak tu tak lama, dua [2] tahun aje pastu saya berpindah pulak saya dapat lagi peluang saya masuk tempat kapal pulak. Ha saya masuk tempat kapal.

MA: Kapal tu masih di Singapura la?

BS: (Sambil mengangguk) Di Singapura juga!

MA: Ohh!

BS: Jadi saya dapat peluang untuk tukor – tempat kirje tu bermakna ada sikit lumayan sikit la dia punya gaji! (Sambil tersenyum) Gaji tu ada lumayan sikit, jadi saya pun terus pergi ke tempat kapal.

MA: Jadi tempoh start [mula] pada awal kerja Singapura hinggalah balik ke Malaysia semula, berapa lama tempoh dia di Singapura tu?

BS: Ohh, berapa – lama eh? Tujuh puluh dua [72] sampai lapan puluh dua. [82]

MA: (Sambil mengangguk) Ohh! Sepuluh tahun jugak la?

BS: (Sambil mengangguk) Haa! Tujuh puluh dua [72]

MA: So [Jadi] Encik Borhan memang

BS: Lapan puluh dua memang saya, betul la betul!

MA: So [jadi] Encik Borhan memang berumah di sana kahwin pun kat sana?

BS: Tak! Saya kahwin di sini.

MA: Ohh!

BS: Saya kahwin di sini, apabila saya kahwin di sini terus saya tak.

MA: So [Jadi] Encik Borhan kekal di Malaysia la?

BS: Haa tak balik lagi dekat – Singapura, saya pun dah – cari kirje dekat-dekat sini jela.

MA: (Sambil mengangguk) Ohh, Jadi kalua untuk pekerjaan terkini tuan? Apa?

BS: Saya – yang buat macam sekarang ni saya sebagai penoreh getah la.

MA: (Sambil mengangguk) Penoreh getah.

BS: Kerja-kerja kampung.

MA: (Sambil mengangguk) Kerja kampung.

BS: (Sambil mengangguk) Haa kerja kampung la.

MA: Jadi, haa Encik Borhan boleh tak cerita sikit tentang penglibatan tuan dalam persatuan sejarah segamat? Sejak bilakah tuan mula menyertai persatuan ini?

BS: Saya baru yang sebenarnya terlibat dalam Persatuan Sejarah Segamat ni kira baru lagi, Haa bukan dah lama, baru lagi. Daripada dulu saya takde begitu aktif sangat la secara lansung la, Tapi sejak dalam dua [2] tahun baru la saya terlibat dalam Persatuan Sejarah segamat.

MA: Kiranya mungkin Encik borhan Ingat tak tahun bila Encik mula sertai?

BS: Rasa saya baru sangat la, saya ingat dalam tahun dua ribu [2000] dua ribu satu [2001] la.

MA: (Sambil mengangguk) Dua ribu satu [2001]

BS: Baru lagi.

MA: Lama jugak tu! Dua puluh dua [22] tahun.

BS: Saya terlibat dalam Persatuan Sejarah Segamat ni dalam dua ribu satu [2001] la.

MA: Okay, Haa jadi yang mendorong Encik Borhan untuk sertai tu haa sertai Persatuan Sejarah Segamat adalah dengan penemuan Batu Nisan Aceh?

BS: (Sambil Mengangguk) Bermulanya saya Ketika menemui Batu Nisan Aceh tu la!

MA: Bukan la Encik Borhan apa diajak kawan ke?

BS: Haa takde.

MA: (Sambil menagguk) Memang bermula daripada Batu Nisan Aceh tu Sendiri.

BS: Kalau nak ikutkan, Kalau saya terlibat secara langsung penemuan Batu Nisan Aceh tu lapan puluh tiga [83], memang dah lama kan? Tapi sebab Ketika itu takde yang jadi viral. Tentang barang- barang – yang sejarah ni la.

MA: Pastu baru dia mula nak mencari.

BS: Haa baru dia nak mula mencari bahan-bahan sejarah – dalam Daerah Segamat ni, Haa jadi Ketika itu saya tengok eh! (Sambil terkejut) Persatuan Sejarah Segamat ni tengah viral berkenaan Batu Nisan Aceh. Kebetulan saya terjumpa Batu Nisan Aceh ni. Jadi saya pun...

MA: Bawak pergi sana?

BS: (Sambil Mengangguk) Haa saya pun viralkan yang saya pun ada menemui Batu Nisan Aceh ni. Jadi Persatuan tu datangla jumpa saya nak tengok Batu Nisan Aceh tu. Haa jadi bermula daripada situ la!

MA: Pastu Apakah, Adakah Persatuan sejak Encik Borhan mula sertai Persatuan Sejarah segamat ni, Adakah ada mereka sertakan Elaun ke atau macamtu?

BS: Ohh, Tapi rasanya buat setakat sampai saat ini takde apa-apa.

MA: Ahli sajalah?

BS: Haa jadi ahli saja, Takde apa apa elaun ke memang takde.

MA: Kalau untuk perjumpaan ke ada ke dia buat?

BS: Untuk perjumpaan tu, yang lepas lepas dulu adalah banyak kali juga. Diorang datang bukan apa, Diorang datang nak melihat Batu Nisan Tu. Haa jadi diorang datang – buat temujanji datang lepastu nak melihat ketulenan Batu Nisan Aceh tu. Sama ada betul Batu Nisan Aceh ataupun tidak.

MA: Jadinya, Haa dengan Persatuan ini dia takde la aktiviti macam perjumpaan tahunan ke?

BS: Ohh Takde.

MA: Perjumpaan Bulanan pun takde?

BS: (Sambil menggelengkan kepala) Haa takde! Memang takde. Aktiviti-aktiviti macamtu memang takde.

MA: Macam Encik Borhan sebut tadi haa kalau diorang nak datang tengok Batu Nisan Aceh tu sendiri kebiasaanya kat mana tempat diorang berkumpul untuk tengok?

BS: Diorang, dia biasanya dia bagitahu saya lepastu dia terus datang – je ke rumah.

MA: (Sambil mengagguk) Ohh datang rumah!

BS: (Sambil mengagguk) Datang rumah je.

MA: Ohh bukan berkumpul di balai raya ke?

BS: Takda --, Balai raya ke macam ada tempat- tempat yang tertentu, takde. Dia terus datang ke rumah saya pastu dia tengok Batu Nisan tu. Pastikan betul ke Batu Nisan Aceh ni? Haa itu je.

MA: So [Jadi] persatuan ni memang bawah haa badan NGO la?

BS: (Sambil mengagguk) Haa bawah badan NGO, bawah Badan NGO. Persatuan ni yang sebenarnya di bawah badan NGO.

MA: Faham.

BS: Tapi biasanya, Persatuan ni secara bukan ada apa – elaun apa benda takde la.

MA: Dia just [hanya] untuk sebarikan maklumat kepada anak – muda la?

BS: (Sambil mengangguk) Haa itu je!

MA: Untuk memastikan sejarah ni kekal.

BS: (Sambil mengangguk) Haa bermakna persatuan ni wujud untuk memastikan sejarah ni dia takkan hilang di dunia kan.

MA: Dia nak kekalkan benda tu!

BS: (Sambil mengangguk) Haa kekal! Generasi yang akan datang esok tahu sejarah bermula pada, macam mana – kan? Pasal tujuan hidup ni sebenarnya esok sejarah ni nak anu kan sejarah ni untuk meng-anu kan sejarah ni, perkenalkan sejarah ni untuk generasi akan datang, Jadi dia taktahu sejarah Segamat ni macam mana? Bermulanya Segamat ni, Kg. apa semua sekali tu kan? Jadi Persatuan ni la yang mengumpulkan maklumat – ni jadi di anu kan, diberi keterangan macam mana ada masa pengunjung-pengunjung dari luar nak tahu kan sejarah Segamat, sejarah kg. ni. Jadi persatuan ahli-ahli persatuan ni dia tahu la bermakna macam Batu Badak ni salah sorang nya daripada saya, Jadi tahu la macam mana asal usul kampung ni.

MA: Setiap kampung di Daerah Segamat?

BS: (Sambil mengangguk) Haa! Ada di anu kan. Sejarah ni sebenarnya kita tak boleh menipu, Haa Sejarah ni tak boleh menipu.

MA: Dia mungkin macam, Haa Persatuan Sejarah Segamat ni dia jadi orang tengah dengan tokoh setiap kampung dengan Persatuan Sejarah Segamat dengan pihak pengurusan setiap kampung?

BS: (Sambil mengangguk) Haa ya betul-betul! Jadi orang perantaraan la

MA: Haa dia jadi konsep macam itu la! Okay, kalua takde apa-apa kita boleh pindah pada bahagian kedua tentang soalan umum. Jadi, Bolehkah Encik Borhan ceritakan tentang asal usul Kg. Batu Badak ini?

BS: Asal usul sejarah Kg. Batu badak?

MA: (Sambil Mengangguk) Haa! Apa yang mendorong Kg. ini dinamakan sebagai Kg. Batu badak?

BS: Okay, Mengikut cerita- cerita orang yang terdahulu la sebelum saya dulu, Bermulanya Kg. Batu Badak ni kebetunnya di Sungai Segamat ni Kg. Batu Badak ni ada batu, salah satu batu tu menyerupai macam seekor Badak.

MA: Ohh menyerupai bentuk Badak?

BS: (Sambil mengangguk) Haa bentuk batu tu macam bentuk seekor badak. Jadi bermula dari situ la jadi kampung ni Ketika itu memang takde nama lagi la. Jadi takde nama lagi, Jadi untuk namakan dia taruk nama Kg. Batu Badak.

MA: Waktu itu Segamat ni dah wujud la?

BS: (Sambil mengangguk) Haa Segamat dah wujud! Segamat ru memang dah wujud la. Kampung-kampung tu

MA: Tapi kampung-kampung tu masih tak diteroka lagi.

BS: Haa betul! Masih dia Segamat dulu Segamat dah wujud, kira Daerah diorang panggil Daerah Segamat je, Kawasan Segamat je tapi kampung-kampung belum ada nama-nama wujud, belum ada lagi. Kebetulan masa itu kemungkinan haa penempatan orang pun kat kampung ni tak begitu banyak lagi la kan. Jadi masa itu tak wujud lagi nama- nama kampung itu.

MA: Faham, Jadinya memang asal usulnya meang daripada bentuk batu tu sendiri?

BS: (Sambil menagguk) Batu! Itu – asal usulnya nama kampung Batu Badak ni bermula daripada Batu tu. Haa bermula daripada batu tu salah satu sekarang kalau nak pergi tengok batu tu oleh sebab dah dikorek di sungai buat sungai baru ni, Jadi dah...

MA: Batu pun dah hilang.

BS: Batu pun dah hilang dah ganti bawah apa bend ani jadi dapat ke tidak. Dulu
Ketika air kering macam ni kita bleh nampak lagi lah batu tu.

MA: Batu yang menyerupai bentuk Badak tu masih ada lagi ke?

BS: Memang ada lah, Tapi dah tak boleh nak di – tengok lagi la.

MA: Haa, Batu dah taknampak la kan bentuk badak tu kan?

BS: (Sambil mengangguk) Haa! Batu – yang lain tu ada lagi. Haa batu yang
lain-lain tu ada lagi, Batu tak haa apa tu yang betul-betul lebih kurang
macam Badak tu tadi dah takde dapat tengok lagi la.

MA: Dah tenggelam la?

BS: Haa dah tenggelam la. Takleh tengok lagi la.

MA: Besar ke batu tu?

BS: Eh batu tu boleh tahan ke besor juga, haa batu tu besor. Haa yang – rupa
bentuk Badak tu lebih kurang kalau, lebih kurang masa saya ingat lagi dulu
macam boleh tengok lagi batu tu, Rasanya ukurannya lebih kurang macam
Badak biasa ni la.

MA: (Sambil terkejut) Uish besar jugak!

BS: Haa! Lebih kurang macam Badak biasa juga ukuran, Tapi batu tu separuh dah masuk dalam tanah dan separuh keluar lagi. Bermakna tenggelam dalam tanah kan.

MA: Macam batu-batu kat tepi sungai la? Air terjun ke

BS: (Sambil mengangguk) Memang di sungai, Batu tu dia macam seolah Badak nak menyeberang sungai senang cerita la. Jadi seberang menyeberang dalam sungai tu memang batu haa.

MA: Sungai ni la? Sungai Segamat.

BS: (Sambil mengangguk) Haa Sungai Segamat la, Sungai Segamat. Apabila projek untuk membuat tambat – banjir, Sungai ni dikorek jadi tempat-tempat macamtu habis la.

MA: Habis la, Sayang la.

BS: Tempat yang kita untuk sejarah tu anu dah banyak rosak la! Haa tempat macamtu rosak.

MA: Siapa yang menjumpai batu itu dan dia jadi macam jadi orang yang pertama la?

BS: Haa, Orang yang pertama tu kita tak pasti siapa, sebab apa yang pertama mendapati kampung ni dulu saya pun tak – tahu lagi.

MA: So [Jadi] secara dasarnya tuan memang dah duduk sini memang dah ada dah nama tu, memang dah wujud dah?

BS: Tak memang nama kampung tu pun dah wujud, memang dah wujud dah pun nama Kampung Batu Badak tu, Memang dah wujud dah.

MA: Jadi secara rumusan dia memang haa nama kampung ni dibagi berdasarkan apa yang dia nampak?

BS: Nama kampung tu memang setiap kampung rasanya macam tu la. Contohnya macam Kg. Lubok Batu. Oleh sebab kawasan lubok, Sungai tu banyak batu pun jadi diorang pikir – dia taruk kan nama Lubok Batu, Kg. Lubok Batu. Memang kalau mengikut sejarah yang ada kampung – yang berhampiran dekat sini la biasanya memang berpandukan daripada itu nama- namanya.

MA: (Sambil menagguk) Haa! Apa yang mereka nampak.

BS: Contoh macam Kampung Alai, Bermulanya Kg. Alai tu sebab taruk nama Kampung Alai sebab dekat kampung tu Kawasan paya tu banyak Pokok Alai.

MA: Pokok Alai, (Sambil mengangguk) Ohh! Tu nama Pokok Alai?

BS: (Sambil mengangguk) Haa Pokok Alai! Kemudian taruk nama kampung tu Kampung Alai.

MA: Kalau Kampung Tasek Alai pulak?

BS: Haa tasik tu yang sebenarnya kampung tasik tu memang kawasan tu memang kawasan macam paya la haa macam tasik kan? Jadi diorang taruk nama Kampung Tasek.

MA: So [Jadi] banyak Segamat ni memang majoritinya memang nama yang diberi tu berdasarkan apa keunikan setiap tempat tu?

BS: (Sambil menagguk) Haa! Apa yang ada dekat situ diorang namakan.

MA: Faham, Cara tradisional la.

BS: (Sambil) Haa, macam nama Kampung Batu Hampar. Ha aitu memang betul Kawasan tu ada batu kan? Jadi diorang taruk nama Batu Hampar. Jadi kampung – yang ada dekat Segamat ni biasanya kebanyakannya la memang itu la nama- nama kampung tu benda yang dipanggil nama – kampung tu wujudnya benda – yang ada di Kawasan itu.

MA: Jadi walaupun Kampung Batu Badak ni belum diberi nama lagi pun, Haa dah ada orang start [Mula] duduk dah?

BS: Haa memang dah ada la. (Sambil mengangguk) Haa! Memang dah ada.

MA: Ohh, Cumanya diorang just [hanya] duduk di Segamat sahaja?

BS: (Sambil mengangguk) Haa! Duduk di Segamat sahaja, Ketika itu bukan nama Segamat lagi. Haa Segamat tu ketika Bendahara Tepuk ni dulu dari Melaka di Segamat ni dipanggil Rantau Panjang.

MA: Rantau Panjang?

BS: (Sambil mengangguk) Rantau Panjang. Yang sebenarnya sebelum nama wujud nama Rantau Panjang ni dulu, Segamat ni dia panggil nama Batu Bara.

MA: Batu Bara pulak?

BS: Lepas Batu Bara dia bertukar pulak nama dia. Itu mengikut sejarah tu.

MA: Haa, Okay.

BS: Sejarah Segamat, Daripada Batu Bara pulak bertukarnya nama kepada Leban Chondong

MA: Leban?

BS: Leban Chondong. Selepas Leban Chondong pastu bertukar pulak Rantau Panjang.

MA: (Sambil mengangguk) Ohh, Jadi Batu Bara, Leban Chondong, Rantau Panjang dan barulah Segamat?

BS: Ya barulah Segamat, Bertukar nama Segamat ini sampai sekarang,

MA: So [Jadi] nama segamat tu betul la nama dia Bendahara dan anak-anak buah dia datang Segamat?

BS: (Sambil mengangguk) Haa betul minum air, Jadi ketika itu ialah dia pun tak – tahu nama tempat ni, Apan ama tempat ni semua kan.

MA: Singgah.

BS: Nama itu ditukar kepada Segar-Amat

MA: Boleh kita pindah pada bahagian tiga [3] iaitu soalan khusus, Spesifik sikit. Saya serahkan soalan kepada Amirul eh.

BS: Okay Amirul.

AZ: Sekarang untuk soalan khusus, bolehkah tuan kongsikan tentang sejarah pentadbiran dan ekonomi awal di Kampung Batu Badak?

BS: Emmm petadbiran ekonomi?

AZ: Hmm contohnya macam corak pentadbiran awal kampung ini?

BS: Pentadbiran tu saya pun tak dapat memastikan, tapi soal ekonomi tu awalnya di kampung Batu Badak ini ekonomi dia adalah sebahagian pertanian dan nelayan menangkap ikan.

AZ: Oh awalnya pertanian lah?

BS: : Pertanian, kebanyakan pertanian lepastu sebahagiannya ada yang keje menangkap ikan tau. Nelayan lah, Nelayan lah menangkap ikan awalnya. Ha pentadbiran tu saya pun tak pasti sebab apa, masa ketika saya pun belum wujud lagi. Saya tak pasti pun pentadbiran dia macam mana tapi kebanyakan cara ekonomi orang kampung cenggini petani, pertanian tu nombor satu. Nombor dua menangkap ikan ha itu. Nombor satu memang pertanian.

AZ: Dari segi pertanian tu, mereka banyak tanam apa?

BS: Tanam getah dan sawah padi (mencelah sampai sekarang?)

BS: Ha sam.- - tapi sekarang dah dah sawah padi tu dah takde lagi dah, dah takde lagi. Ha tapi getah masih ada lagi lah sekarang... (mencelah sampai sekarang?).

BS: Sampai sekarang.

AZ: Lepastu tuan boleh menceritakan apakah aktiviti sosial atau gaya hidup masyarakat awal pembukaan Batu Badak?

BS: Awal pembukaan Batu Badak ini saya- -.

AZ: Contoh macam adat tradisi mereka dulu macam mana?

BS: Ohh kalau yang saya tahu, yang saya tahu adat tradisi itu mengikut budaya budaya orang orang melayu yang melayu, melayu lah, kebanyakannya dulu melayu sini kebanyakannya orang yang duduk yang ada duduk di Batu Badak ini bukan orang yang asli dari Segamat ini. Kebanyakan pendatang lah, orang pendatang. Contohnya macam daripada Sumatera bercampur dengan orang Minang, orang Padang, orang Bandung bercampur -campur jadi budaya tu kebanyakan sini hmmm (berfikir sejenak) budaya tu kebanyakan budaya macam kemelayuan lah bukan jawa lah. Kalau di daerah- daerah lain, macam contohnya kita katakan macam Batu Pahat itu kebudayaan Jawa, pasal satunya banyak penempatan orang Jawa. Tapi di Segamat ini ada orang Jawa tapi tak banyak, haa tak banyak. Aaa sebabnya sini orang jawa di segamat ini memang tak ramai. Kebanyakannya bercampur-campur, campur macam orang Minang ada. Segamat ni ada orang Minang. Orang Minang Kabau pun ada.

AZ: Sampai sekarang?

BS: Sampai sekarang ni orang Minang Kabau ada, aaa Jawa datang dari Bnadung apa semua pun ada. Jadi dia bercampur campur, jadi budaya tu mengikut...

takde cakap pun lah kira macam orang orang melayu, adat adat melayu lah, adat kemelayuan lah... bukannya sebelah Muor, Batu Pahat apa tu banyak mengikut adat adat Jawa kan. Pasal apa penempatan dia banyak orang Jawa. Jadi budaya Jawa itu dia bawa contohnya macam “kepong” apa semua kan, itu budaya Jawa. Datang daripada Jawa tapi Segamat ni takdelah, biasa-biasa je. Kebetulan pula Segamat ni selepas, selepas Melaka dijajah Portugis dulu (bunyi petikan pen) yang berkuasa di Segamat ini dulu yang berkerajaan di Segamat ni dulu adalah Temenggong, Temenggong Muor. Segamat ni salah satu pusat pentadbiran dia bermakna Kampung Batu Badak ni adalah bermakna dulu time (semasa) lebuh raya. Lebuh raya ketika itu adalah sungai. Sungai Segamat dan sungai Muor. Jadi Batu Badak ni dalam kawasan Batu Badak ni sebenarnya pernah menjadi pusat pentadbiran Temenggong Muor. Batu Badak sebelum akhir akhirnya Temenggong tu berpindah pentadbiran di Muor kalau tak silap di mana tempat di Muor. Itu yang akhir pemerintahan Temenggong.

AZ: Kalau tak, sebelum ni memang sini pusat pentadbiran untuk Temenggong?

BS: Aaa segamat ni pernah menjadi pusat pentadbiran Muor segamat ni. Itu sebab kalau di makam Lubok Batu tu banyak makam- makam Temenggong Muor. Banyak temenggong- temenggong Muor punya kerabat-kerabat dia Temenggong apa, saya pun tak pastilah nama nama dia banyak Temenggong Muor sebab apa memang Segamat Batu Badak, Batu Badak ini berhampiran dengan antara sungai Muor (petikan pen) dengan sungai Segamat. Dia berhampiran haa Sungai Muor bercantum dengan Sungai Segamat. Batu Badak ini memang macam paling jadi macam pusat pentadbiran dulu lah Temenggong ketika Temenggong.

AZ: Lepastu dari segi pemakaian. Agak-agak mereka dulu pakai, pemakaian mereka dulu macam mana dulu?

BS: Oh pemakaian dulu kalau yang saya ingat-ingat lah orang tua-tua dulu pakaiaan dia macam macam orang orang biasalah, macam aaa seluar baju...

melayu lepastu kepala berikat dengan kain macm tu lah, ha lepastu kemudian tu bersongkok sebahagian bersongkok, pakaian dari segi pakaian lah ketika itu. Kebanyakannya bersongkok bersongkok kalau yang keturunan daripada Sumatera, Pulau Sumatera tu ada sikit-sikit ciri-ciri macam (petikan pen) jawa jawa pakaian kan tapi kebanyakan sini bersongkok lah pakaian dia kalau yang laki-laki itu memang baju melayu memang bersongkok. Itu yang saya ingat lah haa. Yang saya ingat zaman-zaman atuk-atuk saya dulu memang itulah pakaian nya.

AZ: Dari segi ajaran Islam pada ketika itu kuat ke Encik Borhan?

BS: Di sini?

AZ: Haah

BS: Di sini sebenarnya (mencelah awal pembukaan) awalnya rasanya sini bermulanya memang dah dah wujud memang masin-masing beragama Islam

AZ:Pada awalnya lah?

BS: Pada awalnya memang, memang dah dah agama islam lah memang takde agama lain. Bermakna bukan ada macam ugama Hindu ke apa ke kan, dulu-dulu kan kalau Hindu takda bermakna Batu Badak dan termasuk juga rasanya di daerah Segamat ketika itu dipanggil Rantau Panjang bermakna agama Islam dah berkembang dulu daripada agama lain-lain lah memang Islam dah bertapak dulu lah.

AZ: Jadi bukti surau yang berdekatan tu, tu bukti?

BS: Surau ni sebenarnya surau yang ada dengan berdekatan sekarang ni surau baru. Surau yang lama dulu dah dibuka dibuat menjadi bangunan baru surau dulu. Jadi makna dia kayu bangunan kayu macam rumah atas. Yang bangunan baru sekarang ni surau baru ni bangunan baru. Dia yang surau asal dulu sampai tahun [70] berapa bangunan itu. Lepastu tahun [80] tahun lebih dah buka.

AZ: Lepastu dari segi amalan-amalan mereka pada ketika itu macam mana?

BS: Amalan yang macam mana?

AZ: Contohnya dari segi aaa silat

BS: Oh ketika itu adalah aktiviti-aktiviti macam ilmu persilatan ketika itu memang ada lah. Saya ingat masa kecil -kecil dulu memang banyak lah dorang ada belajar-belajar buka gelanggang persilatan memang ada lah tapi sejak akhir ini memang dah takde lagi dah. Tapi ketika saya kecil-kecil dulu memang memang ada “haa” memang ada gelanggang-gelanggang tapak dorang nak belajar main persilatan apa ni memang ada memang wujud. Tu memang wujud. Tapi akhir-akhir ini memang dah takde lagi dah.

AZ: Jadi kebanyakkan orang muda pada ketika itu memang silat (Mencelah boleh dikatakan persilatan ni memang ilmu mesti ada ilmu persilatan lah ketika itu lah, tapi sekarang takde lagi lah (sambil ketawa)

BS: boleh dikatakan persilatan ni memang ilmu mesti ada ilmu persilatan lah ketika itu lah, tapi sekarang takde lagi lah (sambil ketawa)

AZ: Jadi kita ke bahagian [4] maklumat tambahan. Jadi bolehkah Encik menceritakan tentang Batu Nesan Aceh (Mencilah Oh Batu Nesan Aceh tu ok [Okey]) yang Encik Borhan dah jumpa?

BS: Hmm(berfikir sejenak). **Batu Nesan Aceh tu-** - sebenarnya sebab apa saya tak pasti Batu Nesan **Aceh-** - wujudnya **tahun berapa** -- tapi setelah saya mendapat maklumat daripada pihak Muzium Melaka menyatakan Batu Nesan Aceh tu wujudnya tahun [1500] (mencilah agak lama) ha itulah [1500] di situlah Batu Nesan tu dia cakap wujudnya Batu Nesan Aceh yang berbentuk yang ada ni bermulanya [1500] tahun [1500]. Bermakna [1500] keluaran (sambil ketawa) ketika itu batu nesan model macam gitulah, rupa macam tu. Muzium **lebih** -- arif tentang bahan ni kan. Jadi dapat membezakan ok(Okey) kelahiran tahun ini macam ini bentuknya, tahun ini macam gini bentuknya. Jadi dia memberi maklumat pada saya Batu Nesan Aceh yang saya jumpa ni ialah tahun [1500].

AZ: Jadi aaa encik menemukan batu nisan ini tahun bila ya?

BS: hmm menemu?

AZ: Haah

BS: Hmm(berfikir sejenak) tahun [83] **saya--** menemu Batu Nisan Aceh ni, tahun [83].

AZ: Ketika nak buat rumah ini lah?

BS: Ha ketika saya nak _ (ayat tak dikenal pasti) kawasan ni, saya pun terperanjat “ada kubur ke kawasan ni tetiba ada batu nesan kan”. Lepastu saya buat pertanyaan dengan arwah atuk saya. Atuk saya khabar yang sebenarnya takde kubur sini. Dulu yang ada penempatan duduk sini dulu salah seorang pengikut Bendahara Tepok duduk di sini. Selepas perang Melaka habis tamat dulu, kemudian yang menetap di sini dia balik ke Pahang. Bermakna dia orang... Pahang lah tu. Jadi __ (ayat tak dikenal pasti) batu nesan tu dah rosak, jadi dia tinggal lah die tak bawak kan. Jadi dia tinggal je mungkin dia bawa satu saja, yang satu ni dia tinggalkan sebab dah patahkan, dia tinggalkan.

AZ: Jadi Encik Borhan jumpa batu nisan memang bentuk asalnya memang dah takde kan?

BS: Dia yang bentuk yang lengkap memang dah takde lah tapi dia dah patah, belah atas dah patah sikit, kaki bawah dah patah. Bende tu dah rosak lah sebab dia tinggalkan. Kalau rasanya benda tu elok lagi mungkin dia tak tinggalkan (sambil gelak). Batu Nisan Aceh ni dia panjang, dia Batu Nisan Aceh ni kalau betul dia punya kaki dia untuk ditanam dalam tanah dia panjang. Dia dah patah. Batu Nisan Aceh pergi lah mana-mana tengok Batu Nisan Aceh memang dia panjang. Panjang, besar serta tinggi. Die bukan macam batu nisan kita ada sekarang. Batu Nisan Aceh ni kalau yang **dulu--** lagi **besar--** lepastu tinggi.

AZ: Adakah ada cerita disebalik batu nisan yang Encik temukan?

BS: Cerita yang macam mana tu? Yang setahu saya **cerita-** - yang lain tak taulah yang saya dapat pastikan batu nisan itu yang sebenarnya diperbuat daripada **batu laut-** -. Sebab contohnya kesan tempat yang patah tu ada kulit kerang punya anu. Bermakna itu bukan batu bukit, bermakna batu memang daripada laut dia pahat untuk buat batu nisan.

AZ: Oh jadi maknanya batu tu asalnya memang daripada laut?

BS: Dari laut lepastu dia ambil **dia-** - pahat die ukir, dia ukir buat batu nesan. Bermakna bukan batu bukit. Ha batu daripada laut memang batu daripada laut sebab apa ada kesan bulat kerang masih ada dalam batu, bukan luar tapi dalam batu. Bermakna asalnya dari laut lah

AZ: Betul

BS: (sambil ketawa)

AZ: Ada lagi kesan peninggalan?

BS: Ada. Ada lagi kesan peninggalan _____ **masih--** wujud lagi, masih nampak itu yang muzium dulu nak bawa ke Muzium Melaka. Pasal apa ini betul-betul bukti memang jelas bahwa batu nisan ni memang batu laut bukan batu bukit. Bukan batu _ bukan apa, memang batu diukir memang batu di laut. Memang ada lagi sisik kerang tu memang jelas lagi. Itulah keistimewaan Batu Nisan Aceh saya jumpa ni yang lain-lain memang takde istimewa pasal dia dah patah-patah (sambil ketawa) tapi disebabkan patah tu dapat membuktikan... bahawa batu nesan ini betul-betul batu daripada dalam laut. Bukan batu bukit, batu dalam laut dorang pahat-pahat ukir buat Batu nesan Aceh.

AZ: Jadi ada ke pihak lain yang mencuba untuk mendapatkan Batu Nisan Aceh ini?

BS: Selain daripada pihak Muzium Melaka, pihak-pihak lain ada datang tengok tapi dia takda yang menyatakan bahawa dia nak ambil batu nisan ini tapi pihak muzium dulu pernah menawarkan dengan saya dia nak amik batu nisan ni untuk bawa ke muzium. Tapi pihak lain-lain daripada Shah Alam datang daripada Johor hanya datang untuk melihat saja. Dia nak tengok bentuk Batu Nisan Aceh. Dia nak tengok pasal bandingkan Batu Nisan Aceh yang tempat lain tu. Ha sama ke tak sama, tu je. Orang datang nak melihat tengok batu nisan tu. Batu Nisan Aceh sebenarnya dia **banyak--** pattern [corak], banyak rupa bukan satu tu je. Ukiran bentuk dia berlain-lain tak sama.

AZ: Jadi yang makam di Bandar tu bentuk dia sama ke macam batu nisan yang ini?

BS: Kalau yang makam Bendahara Tepuk tu lebih kurang sama dengan saya jumpa.

AZ: Oh, So[Jadi] jadi Bendahara Tepuk tu asalnya daripada (Mencelah daripada Aceh) daripada Aceh lah?

BS: Batu nisan tu memang daripada Aceh dan saya dapat maklumat dulu nyatakan Batu Nisan Aceh ini yang memiliki Batu Nisan Aceh ni mestilah orang tu bertahap, yang bukan orang-orang biasa bermakna orang-orang yang... berkedudukan. Orang yang berkedudukan, dia memang memiliki Batu Nisan Aceh. Kalau setakat macam orang-orang biasa ni memang dah takda. Kalau

dia meninggal, kubur dia menggunakan Batu Nisan Aceh bermakna dia tu berkedudukan tinggi lah. Ada kedudukan termasuklah Kerabat-kerabat Raja, Panglima ke atau anu. Biasanya memang berkedudukan tinggi, kalau orang-orang biasa memang tak pakai Batu Nisan Aceh sebab batu nisan kita pun boleh bayangkan Batu Nisan Aceh ni pada Aceh dia bawa ke mari. Bukan dekat tau (sambil ketawa). Daripada Aceh bawa ke mari. Bukan naik kapal terbang tu, ni ngikut laut (sambil ketawa) naik sampan bawa ke mari. Ha bayangkan bermakna orang yang tertentu saja memiliki Batu Nisan Aceh ni. Bukan orang-orang biasa je, orang-orang biasa **tak** -- mampu pun memiliki Batu Nisan Aceh ni. Tu sebab salah seorang pengikut Bendahara Tepuk ni dulu mengikut cerita atuk saya dulu yang duduk di sini dulu, dia yang bawa bermakna dia salah seorang daripada pengikut Bendahara Tepuk ni mungkin dia berkedudukan yang agak tinggi lah tu darjat dia. Kalau tidak tak kan dia memiliki batu nisan ini. Kalau setakat yang biasa-biasa ni takda pun, batu – batu sungai biasa je tu dorang kalau yang dululah yang saya tahu batu sungai biasa saja dorang buat, takde pun yang pakai ukir apa ni takda pun. Bermakna yang memiliki Batu Nisan Aceh ni memang yang berkedudukan. Tu sebab kalau saya cakap awal-awal di Kampung Alai ada satu makam. Itu pun Batu Nisan Aceh tapi batu nisan bentuk bulat, itu pun Batu Nisan Aceh sebab cakap dia banyak bentuk dan di Kg Bukit Tangkung jalan nak ke Buluh Kasap. Itu makam Puteri Sedili, itu Batu Nisan Aceh juga.

AZ: Oh dia asal daripada Aceh juga lah tu?

BS: Memang asal daripada Aceh. Memang bawa daripada Aceh. Bermakna orang memiliki Batu Nisan Aceh bermakna orang yang berkedudukan lah! Berkedudukan lah. Mungkin dia dulu kalau yang merantau ke Tanah Melayu ketika itu mungkin dia sana entah salah seorang daripada Kerabat-kerabat Diraja, kita tak tahu kan. Kerabat-kerabat Raja ke apa benda, ahli Ulama ke kat dekat sana. Biasanya macam gitulah, kalau dulu Sumatera [2] ahli Ulama dengan Raja, Kerabat-kerabat Raja tu aja. Kalau Ulama-ulama sana kan memang batu nisan dia kalau mengikut sejarah Persatuan Sejarah Sumatera ini saya memang follow (mengikut) dia punya anu kan. Tengok batu nisan siap ada tulis nama, tarikh meninggal, bulan berapa. Itu Ulama-ulama, Raja-raja dulu siap ada nama dia sekali. Sebab saya berminat **nak**-- tengok tu, saya nak pastikan keturunan saya dulu. Arwah atuk saya khabar dulu berasal... daripada Baros. Keturunan saya dulu arwah atuk saya cerita, atuk dia punya cerita dulu, atuk- atuk cerita saya dulu. Dia asalnya daripada Yaman.

AZ: Yaman?

BS: Yaman asalnya. Berdagang kapur barus **di--**.—Itu sebabnya nama di Sumatera Barat tu dipanggil Barus, itu memang tempat pengeluaran kapur barus. Dia berdagang bawa kapur barus bawa pergi ke Arab **pergi balik--**. Mengikut arwah cerita atuk saya dulu, ketika dia... datang nak pergi beli kapur barus untuk bawa balik ke Arab tu, kapal dia kene ribut dan adik dia hilang di laut. Kapal ene ribut lepastu adik dia hilang. Jatuh ke apa wallahu a'lam kita pun tak tahu kan. Jadi sebab dia rasa kecewa adik dia takde lagi, sampai je dekat di Barus nama tempat dia sampai tempat di Barus ni terus dia tak nak balik ke Yaman. Yaman ni nama tempat dia Hadramaut. Itu tempat dia, asal dia Hadramaut, Yaman. Lepastu dia tak balik lagi lah dia tu menetap di Barus. Lepastu dia pun menetap di Barus tak balik. Ini cerita sama ada betul pun tak pasti, itu sebab saya mengikut sejarah-sejarah di Sumatera. Saya nak cari ada ke anu. Lepastu dia dulu di Indonesia ni berdakwah mengembangkan agama islam ke Raja-raja dan mengikut maklumatnya dia pernah mengislamkan **Raja Batak- -**.

AZ: Raja Batak tu dekat (Mencelah di--):

BS: Di Sumatera lah. Di anu dia mengislamkan Raja Batak dan akhirnya dia berkahwin dengan salah seorang Raja Batak (anak Raja Batak). Itu je yang saya dapat maklumat dan saya dapat maklumat yang terbaru yang terbaru ni buka Youtube ni cari. Yang ada dekat di Barus tu adalah makam Sheikh Mahmud, Sheikh Mahmud Al- apa eh dia punya anu tu. Itu tahun 900 berapa saya dah lupa. Makam dia ada di Papan Tinggi, Barus. Atas bukit, kemuncak bukit. Itu dia memang asal ada sama itu keturunan saya _ _ _ _ Wallahu a'lam tapi dia memang asal dari Yaman dan daripada HadraMaut. Jadi saya nak ikut sejarah dari Sumatera ni saya nak tengok nak cari ada jumpa tak keturunan-keturunan saya ada tak _ _ _ _ . Tapi memang ada kalau di Barus... sana kalau buka Youtube Makam Sheikh Mahmud Papan Tinggi Barus. 700 lebih anak tangga naik ke makam dia atas bukit.

AZ: Tinggi (sambil ketawa)

BS: Haa tinggi tak tinggi (sambil ketawa). 700, 780 puluh berapa anak tangga sampai ke makamnya. Dan cerita dia dulu. Dia di bukit tu dulu laut yang sebenarnya kat bawah tu bukan kering, bukan darat. Laut dulu sebab apa sekarang sawah- sawah yang dorang tanam padi sekarang kat bawah tu dorang gali perigi orang panggil telaga kan jumpa kulit kerang apa benda maknanya itu dulu memang laut. Itu sebab kubur dia makam dia di bukit dulu air kan jadi di tempat yang tinggi (Mencelah di puncak). Sekarang **kering-** - dah timbul balik (sambil ketawa). Saya sebenarnya memang mengikuti yang di Sumatera punya anu sejarah memang saya ikut. Memang saya **follow-** - (mengikuti). Sebab apa dorang di sana **lagi--** kuat dorang punya sejarah dorang nak **cari-** - baju asal dulu asal dulu kan sebab saya memang mengikuti dia punya. Tu lah saya cakap Batu Nesan Aceh ni bermakna dia banyak bentuk, bukan satu bentuk

AZ: Jadi ni salah satu bentuk yang kita dapat temu lah?

BS: Yang saya punya istimewa pasal apa kulit kerang bermakna **itu--** (sambil ketawa) memang batu daripada dalam laut. Itulah keistemewaan dia. Pasal ada kulit kerang tu masih ada lagi nampak jelas, bermakna batu ni memang... batu dari laut buka batu bukit. Kadang-kadang batu bukit dorang potong, dorang pahat kan tapi ni batu dalam laut dorang amik buat Batu Nisan Aceh yang saya jumpa ni lah. Mungkin yang lain-lain tu sama juga Batu Nisan Aceh tu mungkin batu laut juga seketika itu kan. Bukan batu bukit bermakna sekarang kalau nak buat dorang banyak buat batu bukit. Dorang potong-potong, dorang pahat-pahat ukir kan tapi ini memang betul batu daripada laut. Batu dalam laut bermakna bukan bukit, dia buat Batu Nisan Aceh dulu memang batu dalam laut sebab Batu Nisan Aceh boleh buat asah parang.

AZ: Asam?

BS: Buat **asah---** parang(sambil ketawa)

AZ: Ohh asah parang(sambil mengangguk)

BS: Lepastu batu bukit(sambil ketawa). - - Itu dia punya __ lagi apa?

AZ: Kalau nak diagakkan batu dari laut berat. Macam mana dorang angkat tu?

BS: Memang berat pun. Itu sebab dulu kita pelik macam mana orang dulu ada (Mencelah kekuatan) kekuatan ni kan. Berat benda ni kita nak bawa nak pindah pergi sana pindah. Dari Melaka dulu naik sampan lah datang Segamat ni kan, bawa batu ni punya berat tu(sambil ketawa) tu kita fikir tapi tu lah kelebihan orang dulu-dulu kan haa benda tu bukan yang ringan-ringan bukan kecil – kecil tu. Dia bawa pindah ke sana pindah ke mari. Dia punya satu tempat ke satu tempat bawa benda ni. Mati esok (menghentak kerusi) sebelum mati dia dah cari batu nesan dulu, Kita di sini dah mati baru- - buat batu nesan. Dia tak, sebelum mati dia dah standby(sedia) batu nesan. Dia pergi mana-mana bawa bermakna ketika itu perang mati je ok(okay)! kalau balik tu memang cukup baik lah, kalau pergi perang kalau balik tu memang dah cukup baik lah. Dulu- dulu lah cerita dia kan. Dulu perang pakai keris, pakai tombak bukan macam sekarang.

AZ:Jadi memang takde kesan lain lah selain cengkerang tu?

BS: Takde

AZ: Tu jelah bukti?

BS: Tu jelah bukti, yang lain-lain takde. Cuma yang saya jumpa itu je. Saya ingat dulu mungkin ada lagi satu makna dia sepasang tapi takde memang takde dah cari memang tak jumpa pun. Itulah oleh sebab dia tinggal tu sebab batu nisan tu dah rosak lah die tinggal kalau elok mungkin die yang bawa kan. Bermakna kalau 5011(tahun) eh 1500(tahun) bermakna sama dengan Bendahara Tepuk tu pun 1500(tahun) tu juga lah.

**AZ: Jadi pada masa itu jugalah (Mencelah Ha)Kampung Batu Badak tu-
-(Mencelah Ha- -)**

BS: Bermakna dah wujud tu dorang (sambil gelak) tapi ketika itu mungkin Kampung Batu Badak tu lagi dan kemudian entah generasi yang keberapa baru dorang tahu nama kampung. "Batu Badak jelah taruk, Kampung Batu Badak". "Ha Alai! Alai banyak, Kampung Alai.". Jalan depan sikit "Tasik! _Kampung Tasik". Itu mengenalkan " Ha duduk mana?", "Orang Kampung Tasik". Orang dah boleh set(tentukan) oh Tasik kt sini, Alai sini, Batu Badak sini. Tapi Gemerih saya tak dapat pasti macam mana Gemerih tu nama tu itu memang saya tak tahu. Saya pun tanya-tanya orang tua- tua pun dah takda lagi kan. Asalnya Kampung Geme Gemerih.

**AZ: Memang tak tahulah (Mencelah Itu memang tak tahulah) sejarah pasal
Kampung Gemerih?**

BS: Sejarah wujudnya nama Kampung Gemerih. Itu saya memang tak tahu. Saya pernah tanya-tanya dengan dorang ni, Dorang sendiri tak pasti. Yang Batu Badak ni memang betul lah pasal Batu Badak macam Lubok Batu, Batu

Hampar, Tangga Batu. Segamat ni banyak nama- nama kampung macam Pogoh. Haa Pogoh tu ada pokok. Lagi?

AZ: Jadi apakah Encik ada maklumat- maklumat lain berkenaan dengan Kampung Lubok Batu contohnya macam penyebab Sungai Segamat ni mati?

BS: Ohh yang sebenarnya macam ni, oleh sebab buat sungai baru ni. Jadi tempat-tempat yang anu tu dah- - takde lagi nak kita jadikan tempat-tempat bersejarah dulu dah takde lagi dah ini cakap terus terang memang dah takde lagi dah. Ini dia buat taman- taman. Jadi sungai dah dikorek, dah diubah sungai jadi sungai-sungai lama ade ditutup, ade ditinggal. Abislah dah takde lagi. Sebenarnya di Sungai Segamat ni dulu kira macam ia lah dulu bukan di jalan raya ia di sungai bermakna jalan utama lah dulu. Apa orang Segamat nak pergi ke Muor ke memang ikut sungai lah dulu dan saya percaya dulu daerah-daerah Segamat dulu semua banyak air sebenarnya, berair. Bukan macam sekarang semua macam awak jalan lepas je Gemerih dkt traffic(lalu lintas) dekat Petronas tu. Tu nama kampung tu Kampung Paya Dalam. Sekarang mana ada paya mana ada dalamnya, tanah darat bukit. Dulu memang paya situ memang tu paya paling dalam. Ha dipanggil Kampung Paya Dalam, memang berair pun tapi kering takde air sekarang takde air pun nama Paya Dalam air takde pon. Banjir je baru ada air.

AZ: Dah kering dah area(kawasan) situ eh?

BS: Ha kering. Macam Kampung Tasik tu Kampung Tasik dulu memang tasik _ dalam pun dan mengikut sejarah dulu kapal pon boleh masuk tempat tu.

AZ: Kapal besar pun boleh masuk dekat masuk situ?

BS: Ha boleh masuk. Daripada Sungai Muor ni dia paya Kampung Tasik tu sampai Sungai Muor tu pun yang macam Gemerih ni dulu memang _ _ _ _ dari Sungai Segamat. Memang boleh sini. Itu saya cakap Sungai Segamat ni dulu laluan utama, laluan utama dan dulu zaman saya tak jumpa lagi. Dulu kalau Kampung Batu Badak ni dorang menjual batang pinang, batang pinang jual di Muor ikut sungai buat rakit atau ikut sungai pasal Muor sana buat tiang kelong kan laut kan. Dia jual batang pinang bawa pergi [3] hari baru balik ikut sungai.

AZ: Jadi aaa kegiatan memburu memang dah takde sekarang?

BS: Apa nak burukan.

AZ: Habitat-habitat ikan semua dah takde dah?

BS: Ikan ada lah, ikan apa ni. Yang sebenarnya macam ni apabila dulu contoh Sungai Segamat lah apabila kawasan membangun dah banyak perumahan, industri apa semua, sungai tercemar. Habitat ikan apa semua dalam sungai dah takde lagi lah. Dulu Sungai Segamat ni udang galah, ikan baung Segamat sape tak kenal Segama ikan baung, udang galah memang banyak tapi dah takde pun dah takde ah. Habis(nada tegas). Perumahan industri banyak apa semua sekali air sungai pun boleh tercemar. Dulu air Sungai Segamat saya cakap terus tahun 61 – 63 air Sungai Segamat ni awak boleh minum punya jernih air Sungai Segamat. Sekarang awak pergi tengok macam air susu (Mencelah Betul). Ini saya terus terang saya kecil-kecil dulu orang takde paip pon. Semua mandi basuh minum semua air sungai. Punya jernih air sungai tu, jernih boleh nampak ikan ha. Semua yang duduk sini semua pergi sungai. Hari-hari memang semua menggunakan sumber air minum apa semua memang air sungai. Atas bukit nak buat perigi macam mana kan (Mencelah... Sumber takde). Dulu memang bersih. Tu saya cakap tercemar, sungai tercemar. Apabila industri perumahan dah banyak apa semua, air tercemar. Dulu Sungai Segamat paling jernih, paling bersih air. Sekarang awak cakap

nak mandi, saya tak sanggup nak mandi tu air tanah nak mandi macam mana?. Musim hujan tak hujan air sama aja warnanya. Dulu Sungai Segamat paling cantik,... paling bersih sampai tahun [60] lebih tu saya ingat lagi tahun [62], [63] itu Sungai Segamat cantik. Mulanya pembangunan banyak pembangunan apa semua sekali abis.

AZ: Tahun bila agaknya start(bermula)?

BS: Pembangunan tu bermulanya haa dah awal-awal dekat [80'] an lah bermulanya. Bermakna dalam hujung-hujung [70'] an masuk [80'] an dah bermula lah pembangunan daerah Segamat ni pesat membangun. Jadi bermula dari situ lah sungai, sungai lah yang dulu jadi- -. Mana-mana tempat pun yang kita pergi, mana – mana daerah pun mula-mula pertama sungai dulu yang akan tercemar daripada yang lain-lain. Sungai dulu yang akan tercemar. Apabila ada pembangunan, tempat tu su sungai yang paling tercemar. Sungai yang paling tercemar. Dulu Sungai Segamat ni fuhh, kalau setakat udang galah, ikan baung apa semua Sungai Segamat ni memang. Awak pergi turun malam-malam bawak lampu picit je pakai basikal dulu zaman saya budak-budak dulu suluh udang. Dekat pasir ni suluh merah mata udang. Sekarang?

AZ: Punya jernih dulu air dia

BS: Betul airnya jernih saya cakap. Itulah zaman apabila bertambah moden pembangunan banyak kadang – kadang kita bukan tak suka kan pembangunan tapi sayang tempat-tempat bersejarah takde lagi.

AZ: Kesian untuk generasi akan datang tak dapat merasa

BS: Takda dia hanya dengar nama je dengar cerita je benda tu dah tak wujud lagi dia dah tak dapat lagi. Contoh macam Sungai Segamat ni Tuntung. Generasi sekarang tak tahu pun tuntung ni macam mana.

AZ: Boleh kami tahu tuntung ni macam mana?

BS: Boleh. Tuntung ni sebenarnya lebih kurang macam bentuknya lebih kurang macam penyu dan penduduk Batu Badak ni dulu memang kalau setahun sekali itu dinamakan Pasir Balai. Saya nak tunjuk tempat tu dah habis kena korek dah kene buat sungai memang dah takde lagi. _ _ _ _ . Dalam sejarah Segamat Pasir Balai ni memang dah tercatat sejarah Segamat Pasir Balai. Tempat orang mengutip telur tu. Kalau di Terengganu, Rantau Abang. Tetapi di Segamat ni Pasir Balai sebab nama Pasir Balai tu dipanggil nama Pasir balai memang Penghulu dulu buat satu balai tempat mengumpul orang-orang kampung ni ok(okey). “Malam ni tuntung naik bertelur, ambil telur tuntung bagi”. Penghulu tukang bagikan. Kalau [3] biji, [3]biji seorang. Kalau tidak, bergaduh. Jadi itu dipanggil Pasir Balai, ada balai tempat orang duduk berkumpul. Itu dipanggil Pasir Balai memang tempat tu untuk bertelur. Generasi sekarang kalau saya cakap tuntung macam “ Eh tuntung macam mana rupa ha”.

AZ: Betul (sambil ketawa)

BS: Mungkin awak tak kenal kan? Ha dia bentuk macam telur tu pun macam telur penyu. Ha dia kalau yang telur dia banyak, dia contohnya saya pernah dapat [1] ekor dia bertelur sampai [30] biji lebih [32]. [33] biji.

AZ: Untuk seekor?

BS: [1] induk. Kadang – kadang bertelur kadang-kadang [20], [18] besar sikit. Kalau yang anu tu pendek sikit, kecik, pendek. Haa kalau yang ni saya pernah dapat sampai [30], [32]. [33] biji. Serupa macam telur penyu. Tuntung.

AZ: Jadi sungai ini sebelum ini memang jadi habitat tuntung lah dulu?

BS: Memang tempat tuntung pun, memang banyak pun tu yang sayang. Bukan kita tak suka pembangunan tapi sayang benda-benda macam gitu musnah dah takde wujud lagi dah. Dah takde lagi tunjukkan bukti apa benda ni. Macam orang cakap nak cerita tuntung nak tunjuk generasi sekarang “Binatang apa tuntung tu?”, “Macam mana gaya rupanya?”. Kita boleh gambarkan “Ha lebih kurang macam penyu, pernah tengok penyu tak?”. “Ha, gitulah bentuk dia lebih kurang macam penyu”. Dulu Sungai Segamat, Sungai Muor ni dulu memang banyak tuntungpun. Habitat dah habis tempat dia bertelur. Dia memang berterlur dia macam penyu lah. Dia pantai berpasir, siang malam dia bertelur malam

AZ: Selalu telur tuntung tu masak apa selalu?

BS: Dorang anu tu je, makan gitu aja maam telur penyu aje tapi kebanyakan orang tak tahu. Saya pernah dapat dulu saya pernah buat telur dadar dia beku macam telur ayam macam telur dadar. Potong bawang, potong lada lepastu pecah je gelodak-gelodak goreng. “Ehh macam telur ayam” tapi kalau rebus yang putih takkan beku, dia macam jeli. (Mencelah Jeli ye rasa) yang tengah je yang kuning tu akan keras yang putih tepi tu dia macam jeli, itu rebus. Tapi kalau kita goreng buat macam telur dadar je serupa macam telur ayam (sambil ketawa). Dia akan beku terus. Mungkin telur penyu pun saya ingat macam itu sebab telur penyu tu lembut yang putih tu je macam jeli tu je dia tak beku pun.

AZ: Jadi ada beri kesanke aaa dekat Encik Borhan lepas sungai utama Segamat ni mati, kesan buruk ke?

BS: Dia kesan buruk tak kesan buruk tu lah. Dia punye habitat-habitat benda-benda yang anu tu dah takda, contohnya senang aja contoh macam ika, udang pe semua habis dah. Orang yang kerja-kerja tangkap ikan di Sungai Segamat lah. Takde lagi dah. Sungai-sungai menjadi cetek, tempat ikan membiak dah takda. Jadi takde pape lagi lah.

AZ: Mati macam gitu je?

BS: Dah abis gitu je. Masa Sungai Segamat ni dah takde benda lagi dah serupa macam longkang dah tempat air lalu tu. Kalau dulu kita boleh banggakan ohh ikan sungai, udang ape semua _____. Sekarang takde lagi dah.

AZ: Encik Borhan boleh ceritakan sedikit maklumat yang menarik yang kami tidak tahu ke pasal Kampung Batu Badak ni, ada lagi lokasi-lokasi yang kami tidak tahu yang telah roboh ke?

BS: Batu Badak ni rasanya dah takde lah lokasi-lokasi yang tempat-tempat menarik yang dah takde hanya Batu Badak ni dulu disebarkan pembangunan untuk kemajuan. Batu Badak dulu rumah pun tak banyak lagi di Kampung batu Badak ni dulu. Dulu ni tepi ni semua rumah (sambil ketawa) semua rumah. Suasana kampung tu nampak ceria kampung. Sekarang kalau pergi tengok sana sikit rumah, sini sikit rumah. Dah takde pape lagi yang anu lah. Pergi buat jalan macam Lebuhraya buat, jalan kerajaan ambil orang terpaksa pindah tempat lain pergi cari tanah tempat lain buat rumah. Batu badak dah macam ketinggalan, dah macam ketinggalan tu cakap terus terang. Batu Badak ni dah macam kampung tinggal dah. Dulu kalau dari sini sampai ke jual gas Petronas tu kan, rumah je tepi jalan kiri kanan.

AZ: Penuh dengan rumah je?

BS: Ha rumah je. Jadi kampung tu kalau datang “Ohh, kampung!”. Haa boleh nampak “Haa ni bukan sebarang kampung ni rumah kampung lah” Haa tu ada lagi, gitu juga macam sungai apabila sungai dikorek, dibesarkan ape semua sekali. Mana-mana tempat yang untuk sejarah-sejarah tu semua takde dah. Tempat-tempat yang kita boleh jadikan satu sejarah tempat tu asalnye dah takde dah abis musnah dah.

AZ: Jadi selain daripada fakta tentang sejarah Kampung Batu Badak ni, Encik Borhan ada tahu kisah mitos ke lagenda Kampung Batu Badak?

BS: Oh takde

AZ: Takde

BS: Mitos-mitos tu saya memang saya takde. Yang saya, pada saya tak pernah dengar mitos-mitos berkenaan Kampung Batu Badak daripada kampung ini dulu macam mana, memang takde.

AZ: Jadi Kampung Batu Badak ni pernah ke dilanda banjir?

BS: Bukan cakap pernah, Kampung Batu Badak hampir tiap-tiap tahun (sambil ketawa) kecuali atas bukit tak kena lah tapi kawasan ni tapi alhamdulillah beberapa kali banjir besar tak kena tapi ruma sana, rumah sini semua kena.

AZ: Rendah belah sana

BS: Ha dia macam rendah sikit. Rumah saya je tak kena sampai dekat belakang tu aje air sikit. Yang sini semua habis ni sampai ke depan ni semua, semua habis ni kena banjir(menunjuk kejiranan) banjir besar lah. Kalau setakat banjir kecil takde lah. Banjir besar macam banjir tahun 2001, 2011, eh 2006, 2011. Habis ni. Yang baru ni pun rumah semua habis.

AZ: Tenggelam habis semua

BS: Tenggelam habis, barang-barang semua habis. Memang Batu Badak ni sebahagian yang tepi sungai ni memang tenggelam lah saya cakap terus terang aja yang belah atas bukit ni takdelah. Menghala yang sebelah sini... tepi sungai memang tenggelam. Batu Badak ni memang banjir lah saya cakap terus terang.

AZ: Jadi yang rumah yang menghadap sungai tu (Mencelah Memnag kena) memang kena banjir lah?

BS: Memang akan kena banjir termasuklah kalau itu macam rumah Taman Gembira ke, atas Taman Bunga Raya. Belah bawah Taman Gembira. Rumah Taman ni pun akan kena banjir (gangguan audio). Batu Badak ni kalau soal banjir, memang kena banjir, memang kena banjir.

AZ: Setiap tahun ke agaknya?

BS: Boleh dikatakan setiap tahun. Banjir memang ada tenggelam, Memang pusat pemindahan balai raya, sekolah penuh. Penduduk Kampung Batu Badak seberang Kampung Batu Badak. So (Jadi) memang aaa _ _ _ _ _jambatan tu jambatan tu kan ada kampung tu dalam tapi yang sebenar kampung tu nak kira bukan mungkin belah sini tapi Pogoh tapi sebab berhampiran dengan Kampung Batu Badak, dia Kampung Batu Badak lah. Nama Kampung Seberang Batu Badak. Macam Alai tu, banjir kena. Panjang umur orang yang kena Alai tu. Sebab dia dulu sawah kan, pasang sawah. Tasik die dah dulu ikut. Kalau banjir Batu Badak memang kata tiap tahun memang banjir.

AZ: Jadi air naik yang sungai asalnye yang naik harini?

BS: Sungai inilah. Sungai yang baru ni pun sama je. Bila ingat dulu sungai baru korek takda banjir, sama je. Air kan sama saja. Takat banjir, banjir pun air sampai sini je. Hanya air cepat jelah. Bermakna sungai baru ni sistem air tu cepat. Kalau dulu lambat sikit sampai [2] minggu [3] minggu air tu **sikit-** baru turun. Tapi kalau yang baru ni, air cepat sikit lah dalam seminggu aja air turun-turun pastu dia keluar lah.

AZ: Jadi penempatan untuk mangsa-mangsa banjir selalu dekat mana selalunya?

BS: Balai raya dengan sekolah

AZ: Sekolah?

BS: Sekolah Kebangsaan Gemerih dengan balai raya. Balai Raya Kampung Batu Badak dengan Balai Raya Kampung Tasik.

AZ: Situ memang jadi penempatan (Mencelah Pusat- pusat pemindahan)pusat pemindahan.

BS: Tiap-tiap tahun lah. Boleh kata bulan [12], standby (sedia) je lah. Bulan [12] sampai bulan [1]. Itu memang usim hujan, musim hujan lepastu musim banjir ah. Segamat ni _ musim banjir lah

AZ: Jadi untuk soalan seterusnya, Encik Borhan boleh ceritakan serba sedikit pembangunan dan kemajuan di kampung ini, contohnya sepanjang hidup di sini, adakah ada perubahan yang berlaku di sini. Macam highway (Lebuhraya) ke?

BS: Perubahannya takde pun hanya tu lah, pembangunan takde pape pun dekat Batu Badak ni. Perubahannya jalan, jalan raya perubahannya, sungai itu aje perubahan yang ketara sangat lah. Yang lain takde-takde pape pembangunan apa pun. Bukan aje cakap ada pusat tempat-tempat buat sekolah ke apa ni takda pun. Batu Badak ni takde. Yang perubahan ketara sekarang apabila jalan ni dibuat untuk sampai ke Tangkak tu jalan je besar sikit dan sungai. Yang lain-lain takde, takde ape pun pembangunan yang cakap ada pembangunan ah memang takde pon.

AZ: Kalau Encik Borhan ingat Highway(Lebuhraya) ni bila dibuatnya?

BS: Highway(Lebuhraya) ni rasanya tahun 2000 berapa eh lupa lah highway(Lebuhraya) ni bila dibuat. Saya lupa lah.

AZ: Awal tahun 2000 lah?

BS: Awal tahun 2000 lah dibuat

AZ: Jadi dengan ada kemajuan dekat sini macam Highway(Lebuhraya) ni ada beri kesan buruk ke atau kesan baik terhadap masyarakat Kampung Batu Badak?

BS: Kesan buruknya memang takdelah. Kesan baiknya tu, kesan baik tu jalan raya malam-malam dah terang (sanbil ketawa). Dulu memang takde lampu pun jalan macam gini memang takde jalan lampu pun sekarang pun dah ada lampu pe. Jadi die punya kebaikannya itu jelah bermakna kesan buruknya terlibat mana yang terlibat tanah kena kerajaan kena ambil balik tu, rumah dah takde, tanah dah takde itu jelah.

AZ: Sebelumnya ada Highway(Lebuhraya) ni, jalan asal untuk Kampung Batu Badak ni dekat mana ya?

BS: Ha ni dekat depan ni(menuding jari di hadapan luar rumahnya).

AZ: Jalan kecil ni je?

BS: Ha ni (sambil ketawa) tu jalan asal ni yang bawah ni. Jalan asal tu. Apabila dia buat baru tu dia dah naik atas tu. Jalan asal dia sini ah. Ni tepi ni dia terus sampai ke sana. Jalan sini kan ada corner(selekoh) sikit tu. corner(selekoh) sikit kan sampai ke Gemerih tu ke taman tu itu jalan asal dulu lah dinaikkan...

taraf dia leborkan. Tu jalan asal lagi. Tu di Petronas dia jalan asal lagi. Lepas Petronas tu, dia dah potong bukit dekat pejabat kemas ape tu ha tu dah jalan baru. Jalan asal dulu bawah.

AZ: Sampai sekarang lah ada jalan asalnya tu?

BS: Pasal ada orang rumah macam contoh macam saya, saya punya rumah dua biji ni jalan ni masih guna lagi (sambil ketawa), masih guna lagi.

AZ: Jadi Encik Borhan, itu saja untuk kami buat wawancara dengan Encik Borhan berkenaan tentang Kampung Batu Badak (Mencelah Iye, okay). Jadi sebelum kami bersurai, saya dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai "kampung Batu Badak, Segamat" bersama En. Borhan bin Sulaiman. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Projek Sejarah Lisan untuk para penyelidik buat masa akan datang. Jadi terima kasih Encik Borhan atas kerjasama ini.

6.0

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	
00:50 – 01:45	LATAR BELAKANG KEHIDUPAN	<ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh Borhan bin Sulaiman • Tarikh lahir pada 10 Febuari 1951 di Kg. Batu Badak • Berumur 72 tahun • Merupakan anak jati Kg. Batu Badak • Sudah bertapak di Kg. Batu Badak selama 72 tahun
01:46 – 02:43	SEJARAH PENDIDIKAN	<ul style="list-style-type: none"> • Bersekolah rendah sahaja • Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Gemereh • Mula bersekolah pada tahun 1957 • Tamat pada tahun 1962
02:44 – 05:11	FAKTOR YANG MENDORONG DALAM MEMINATI BIDANG PENGUMPULAN BAHAN ATAU FAKTA SEJARAH	<ul style="list-style-type: none"> • Apabila penemuan Batu Nisan Aceh • Penemuan Batu Nisan berlaku pada tahun 1983 • Penemuan Batu Nisan Aceh di tempat tinggalnya sendiri iaitu di Kg. Batu Badak • Kondisi Batu Nisan itu sudah terpatah
05:12 – 08:21	SEJARAH PEKERJAAN	<ul style="list-style-type: none"> • Mula bekerja pada tahun 1972 • Pekerja pertama di Singapura • Bekerja di loji penapis minyak • Bekerja dengan syarikat Esso di Pulau Chawan

		<ul style="list-style-type: none"> • Bertukar kerja di tempat kapal selepas 2 tahun berkhidmat • Bekerja di tempat kapal yang tetap di Singapura • Tempoh bekerja di Singapura adalah selama 10 tahun • Selepas balik di Malaysia barulah Encik Borhan berkahwin dan terus bekerja di Malaysia • Pekerjaan terkini adalah merupakan seorang penoreh getah
08:22 – 14:10	PENGLIBATAN DALAM PERSATUAN SEJARAH SEGAMAT	<ul style="list-style-type: none"> • Mula terlibat pada tahun 2001 • Sudah 22 tahun terlibat dalam persatuan • Terlibat kerana penemuan Batu Nisan Aceh • Tiada elaun disediakan kepada ahli-ahli persatuan ini • Pada tahun 2001 baru pencarian Batu Nisan Aceh ni aktif • Persatuan Sejarah Segamat merupakan perantaraan antara komuniti dengan tokoh/ pengkisah bagi setiap Kampung yang wujud di Daerah Segamat.
14:11 – 21:21	ASAL USUL KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Nama Kg. Batu Badak ini ditubuhkan kerana terdapat sebuah batu yang menyerupai bentuk seekor Badak • Batu tersebut dijumpai di Sungai Segamat • Kebanyakan nama setiap kampung di Daerah Segamat ini diberi nama

		<p>berdasarkan keistimewaan atau keunikan yang terdapat di kawasan tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penempatan manusia sudah wujud di Kampung ini walaupun nama Batu Badak masih belum diberikan
21:33 - 23:05	EKONOMI KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi masyarakat Kampung Batu Badak kebanyakannya adalah menangkap ikan dan pertanian • Kegiatan pertanian merupakan ekonomi yang pertama bagi penduduk kampung ini • Kebanyakan penduduk Kampung Batu Badak melakukan pertanian seperti tanam getah, kelapa sawit dan sawah padi
23:06 - 26:52	ADAT TRADISI PENDUDUK KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat pada ketika itu mengikut budaya tradisi kemelayuan walaupun mereka merupakan orang Sumatera, Minang, Padang, dan Bandung. • Sehingga sekarang penduduk di Kampung Batu Badak masih ada susur galur dari Sumatera, Minang, Padang, dan Bandung. • Kampung Batu Badak merupakan salah satu pusat pentadbiran bagi Temenggong Muar sebelum berpindah pentadbiran ke Muar

26:53 – 30:25	PEMAKAIAN, AGAMA DAN AMALAN DI KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat di Kampung Batu Badak kebiasaanya memakai baju melayu, bersongkok. • Ada juga sebilangannya berikat kepala dengan kain • Sebelum wujudnya kampung ini, agama islam telah pun lama menapak di kampung ini termasuk Segamat • Persilatan merupakan aktiviti yang sering penduduk di Kampung Batu Badak belajar. • Ketika pengkisah masih kecil, aktiviti silat sangat rancak pada ketika itu sehinggakan buka gelanggang untuk belajar ilmu persilatan
30:26 - 32: 34	KISAH PERTEMUAN BATU NISAN ACEH	<ul style="list-style-type: none"> • Batu Nisan Aceh yang dijumpai merupakan batu nisan yang berumur 1500 tahun. • Pengkisah menemui Batu Nisan Aceh di tapak halaman rumahnya di mana pada ketika itu beliau ingin membina rumahnya sekarang pada tahun 1983 • Beliau menyatakan bahawa dahulunya seorang pengikut Bendahara Tepok pernah menetap di kawasan perumahan pengkisah dan meninggalkan Batu Nisan Aceh akibat rosak.
32:35 - 36: 17	BENTUK DAN KESAN PENINGGALAN BATU NISAN	<ul style="list-style-type: none"> • Batu Nisan ini menurut pengkisah ia besar kaki bawahnya tinggi di mana ia perlu ditanam dalam tanah

	ACEH	<ul style="list-style-type: none"> • Batu Nisan Aceh yang dijumpai ini berasal dari pada laut dalam • Kesan peninggalan nya masih utuh di mana di batu nisan ini ada kesan sisik kerang • Bentuk Batu Nisan Aceh yang terdapat di makan Bendahara Tepok di Bandar Segamat sama dengan batu nisan yang dijumpai oeh pengkisah • Pihak Muzim Melaka dan pihak lain sanggup datang ke rumah pengkisah demi ingin melihat Batu Nisan Aceh yang sangat jarang ditemui • Batu nisan tersebut kebiasannya dimiliki oleh golongan yang berkedudukan tinggi
36:18 – 48: 32	ASAL USUL BATU NISAN ACEH	<ul style="list-style-type: none"> • Batu Nisan Aceh ini berasal daripada Aceh • Kebanyakannya batu nisan ini dimiliki oleh Kerabat-kerabat Diraja, ahli Ulama • Pengikut Bendahara Tepok yang membawa batu nisan ini kemungkinan daripada golongan-golongan yang berkedudukan tinggi. • Kemangkatan Raja dan Ulama akan diukir di Batu Nisan Aceh seperti nama,tarikh meninggal, bulan. • Kisah Keturunan pengkisah berasal daripada Hadramaut, Yaman untuk menjual kapur barus di Barus Sumatera

		<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai ukiran dan bentuk Batu Nisan Aceh ini tetapi disebabkan ada kulit kerang yang dijumpai di batu nisan tersebut maka ia adalah keistimewaan yang ada di batu nisan itu. • Hanya jumpa satu sahaja batu nisan itu dan tiada kesan akan sepasang batu nisan tersebut
48:33 - 51: 11	MAKLUMAT- MAKLUMAT LAIN BERKENAAN KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat bersejarah di Kampung Batu Badak sudah tiada lagi akibat sungai baru yang dibuat. • Sungai Segamat yang asalnya dulu menjadi tempat jalan utama dari Segamat ke Muar sudah tiada lagi • Pengkisah percaya di mana Segamat ini dipenuhi dengan air yang menjadi sumber utama bagi mereka • Dahulunya Kampung Batu Badak ini menjual batang pinang untuk dibuat tiang kelong(rakit)
51:12 - 53: 16	HABITAT – HABITAT IKAN DI SUNGAI SEGAMAT	<ul style="list-style-type: none"> • Sungai Segamat pada era 1963 merupakan sungai yang sangat bersih • Penduduk Kampung Batu Badak menjadikan sungai Segamat ini tempat sumber air bagi mereka • Kejernihan air Sungai Segamat ini boleh diminum dan boleh melihat ikan-ikan di dasar. • Sekarang kejernihan sungai Segamat hanya boleh dibual di bibir sahaja

		kerana tercemarnya air akibat pembuatan sungai baru
53:17 - 54:57	IMPAK NEGATIF KEGIATAN PEMBANGUNAN DI SEGAMAT	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan yang berlaku di Segamat bermulanya pada awal 1980. • Disebabkan pembangunan yang pesat, maka sungai di sekeliling Segamat akan turut tercemar
54:58 – 58:43	HABITAT TUNTUNG DI KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Tuntung ini merupakan haiwan yang hampir sama dengan penyu • Sungai Segamat ini merupakan lokasi habitat untuk tuntung • Pasir Balai yang berada di Kampung Batu Badak ini merupakan tempat orang kampung mengutip telur-telur tuntung. • Kebiasannya tuntung akan bertelur dengan jumlah yang banyak sehingga 33 biji. • Penduduk di Kampung Batu Badak kebiasannya memasak telur tuntung ini menjadi telur dadar dan unuknya apabila direbus, isi putih telur tersebut akan menjadi seakan dengan jeli.
58:44 - 59:44	IMPAK SETELAH SUNGAI SEGAMAT MATI	<ul style="list-style-type: none"> • Habitat – habitat ikan, udang galah, dan tuntung semakin lama hilang tanpa sedar akibat sungai yang sudah mati dan tercemar • Sungai semakin lama semakin cetek dan warna berubah warna coklat

59: 45 - 1:02:03	KESAN LEBUH RAYA BAHARU TERHADAP PENDUDUK	<ul style="list-style-type: none"> • Pembuatan Lebu Raya menyebabkan penduduk Kampung Badak terpaksa berpindah dan mencari tanah untuk membina kehidupan mereka. • Sebelum adanya Lebu Raya, Kampung ini dikatakan sangat meriah dengan penduduk yang penuh lagi-lagi ketika musim perayaan.
1:02:04 - 1:05:52	BENCANA BANJIR YANG MELANDA DI KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Hampir setiap tahun Kampung Batu Badak akan dilanda banjir • Kampung Batu Badak pernah dilanda banjir besar pada 2001,2006, dan 2011 • Kebanyakan rumah akan tenggelam dan penduduk akan dipindahkan ke pusat pemindahan. • Disebabkan sistem sungai baru yang dibuat,sekurang-kurangnya membuatkan air mengalir dengan cepat ketika banjir dalam seminggu • Penduduk akan mendiami di balai raya dan sekolah di kampung ini pada setiap bulan 12 diman ia merupakan musim banjir
1:05:53 - 1:09:56	KEMAJUAN DI KAMPUNG BATU BADAK	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada terlalu banyak pembangunan yang dimajukan mengikut pengkisah • Kemajuan yang ketara adalah Lebu Raya yang menyambung sampai ke Tangkak • Lebu Raya tersebut dibina pada awal tahun 2000

		<ul style="list-style-type: none"> • Disebabkan adanya Lebu Raya maka ketika waktu malam akan jadi lebih terang dan tidak terlalu kelam tidak seperti zaman-zaman dahulu. • Jalan asal Kampung ini mengikut pengkisah, ia berada di di hadapan rumahnya dan masih digunakan oleh penduduk kampung ini.
1:09:57 - 1:09:24	PENUTUP	<ul style="list-style-type: none"> • Mengucapkan terima kasih keatas pengkisah kerana sudi menyempurnakan sesi temubual berkenaan dengan Kampung Batu Badak

7.0

RALAT

7.0 RALAT

Terdapat perbualan yang kurang jelas direkodkan di dalam audio sesi temubual di hujung rakaman selepas penemubual kedua membuat penutup dan tidak ditulis di transkrip.

8.0

GLOSARI

8.0 GLOSARI

NO	PERKARA	HURAIAN
1	Anak Jati	Seseorang yang dilahirkan dan kebiasaanya dibesarkan di sesuatu tempat seperti kampung, taman, bandar, negeri dan sebagainya.
2	Batu Nisan Aceh	Batu Nisan Aceh ialah sejenis batu nisan, berasal dari Aceh, Sumatera Utara. Batu-batu nisan ini telah diukir oleh orang-orang Melayu Aceh sejak abad ke 15 hingga 19 Masehi dan tersebar luas hampir ke seluruh Nusantara. Digunakan oleh raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu pada zaman itu.
3	Persatuan Sejarah Segamat	Sebuah persatuan yang ditubuhkan bertujuan penyelidikan, pembelajaran, perbincangan, pengetahuan dan bertanggungjawab dalam memulihara warisan dan sejarah Segamat.
4	Batu Bara	Merupakan nama pertama yang diberikan kepada daerah Segamat sebelum peristiwa “Segar- Amat” itu berlaku.
5	Leban Chondong	Merupakan nama kedua yang diberikan kepada Daerah Segamat selepas Batu Bara.
6	Rantau Panjang	Merupakan nama terakhir yang ditukar sebelum penubuhan nama Daerah Segamat yang kekal hingga kini.
7	Bendahara	Merupakan satu jawatan pentadbiran dalam kerajaan-kerajaan klasik Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat pada abad ke-19 terutamanya di semenanjung Melayu setaraf wazir (di Brunei) atau mangkubumi (di Sumatera dan Borneo).
8	Sumatera	Merupakan sebuah pulau yang terletak di sebelah barat Indonesia, iaitu bahagian paling barat dari Kepulauan Sunda.
9	Orang Minang	Orang Minangkabau atau juga dikenali sebagai Minang, adalah kumpulan etnik Austronesia yang berasal dari

		Tanah Tinggi Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia.
10	Kepang	Merupakan sebuah seni tarian berkuda yang berasal dari pulau Jawa di Indonesia, Tarian ini biasanya dimainkan ketika majlis perkahwinan atau di majlis keramaian.
11	Temenggong	Merupakan salah seorang wazir, iaitu golongan tertinggi selepas Sultan dalam hierarki pembesar diraja. Di Kesultanan Johor, terdapat dua jawatan yang menggunakan gelaran Temenggong iaitu Raja Temenggong Muar dan Temenggong Johor. Para Sultan Johor Moden juga berasal daripada keturunan Temenggong bermula dari Temenggong Seri Maharaja Abu Bakar yang mula memakai gelaran Sultan pada tahun 1885. Kesultanan-kesultanan yang pernah menerima pengaruh Melaka juga menggunakan gelaran Temenggong sebagai gelaran pembesar mereka dengan fungsi yang hampir sama seperti Kesultanan Perak, Kesultanan Pahang dan Kesultanan Terengganu.
12	Tuntung	Sebuah spesies kura-kura dalam keluarga Geoemydidae. Ia awalnya berada dalam genusnya tersendiri Callagur namun diulangkelaskan ke dalam sejenis haiwan afimbia yang bercengkerang ke dalam genus Batagur.

9.0

INDEKS

9.0 INDEKS

A

Aceh 8, 17, 18,19, 24, 25, 26, 27, 42, 43, 44, 45, 46, 48, 64, 65, 67, 68, 69, 76

B

Batu Badak 5, 7, 8, 9, 14, 15, 16, 17, 19, 28, 29, 30, 33, 34, 36, 37, 38, 39, 40, 50, 52, 54, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 64, 65, 66, 67, 69, 70, 72

Batu Nisan 8, 17, 18, 19, 24, 25, 26, 27, 42, 43, 44, 46, 46, 48, 50, 64, 65, 67, 68, 69, 76

Bendahara 7, 19, 35, 36, 43, 45, 46, 50, 67, 68, 76

D

Daerah 7, 8, 11, 12, 25, 28, 30, 38, 40, 51, 53, 65, 76

K

Kampung 5, 7, 8, 9, 14, 23, 28, 29, 30, 33, 34, 36, 37, 39, 46, 50, 51, 52, 54, 56, 57, 59, 60, 61, 62, 65, 66, 67, 69, 70, 71, 72, 76

L

Lisan 6, 8, 11, 12, 14, 62

P

Persatuan 9, 17, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 46, 65, 76

S

Segamat 2, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 11, 12, 14, 17, 19, 23, 24, 25, 28, 29, 30, 32, 35, 36, 38, 39, 40, 49, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 60, 62, 65, 67, 68, 70, 76

Sungai 2, 7, 11, 29, 30, 32, 33, 39, 46, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 65, 69, 70, 71

Sejarah 6, 7, 8, 9, 11, 12, 14, 15, 17, 23, 24, 25, 28, 29, 32, 33, 35, 36, 46, 47, 48, 50, 51, 53, 54, 57, 62, 64, 65, 69, 76

10.0

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

Dol, Z. (2015, February 4). *Sejarah Segamat*. Komuniti Segamat.

<http://segamat.com.my/sejarah-segamat/>

Ghazali, F. B. A. (n.d.). *Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat*. Copyright ©

2019 - 2020 of WWW.PSMSEGAMAT.COM. <http://www.psmsegamat.com/>

Lim, P. P. H., Kwa, C. G., & Morrison, J. H. (1998). *Oral history in Southeast Asia:*

Theory and Method. Institute of Southeast Asian Studies.

Majid, N. A., Juperi, N. M., & Jasmi, K. A. (2018). Tamadun Melayu Islam dan

Pencapaian Teknologi. *ResearchGate*.

https://www.researchgate.net/publication/327117485_Tamadun_Melayu_Islam_dan_Pencapaian_Teknologi

Nasron. S. R (2015, June 13). SIRI MISTERI: Puteri Gunung Ledang jin atau bunian?

Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/61126/siri-misteri-puteri-gunung-ledang-jin-atau-bunian>

Razak, M. I. M. (2020). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan

Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat: Malaysian Journal of*

History, Politics & Strategic Studies, 36. <http://journalarticle.ukm.my/362/>

Salahudin, M. A. (2020, October 3). ULASAN | Anak muda benci sejarah?

Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/545005>

Zakaria, B. K. (2016, September 1). Jambatan Buloh Kasap simpan sejarah Segamat,

Johor. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus->

[old/2016/09/188960/jambatan-buloh-kasap-simpan-sejarah-segamat-johor](https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/188960/jambatan-buloh-kasap-simpan-sejarah-segamat-johor)

Zulkifli, M. R. (2019, February 18). Menjejak mistik di puncak Gunung Ledang.


Astro Awani. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/menjejak-mistik-di->

[puncak-gunung-ledang-198821](https://www.astroawani.com/gaya-hidup/menjejak-mistik-di-puncak-gunung-ledang-198821)

11.0

LAMPIRAN

11.1 SURAT PENYELIDIKAN

www.johor.uitm.edu.my	
Bidang Pengurusan Maklumat Study of Information Management	Universiti Teknologi MARA Johor Km. 12, Jalan Muar 85009 Segamat Johor Darul Ta'zim Tel: 07-9352302 Faks: 07-9352450
	
Rujukan : 100UITMJ(HEA/FPM.9/10/7) Tarikh : 9 MEI 2023	

ENCIK BORHAN BIN SULAIMAN
Pengkisah Sejarah Tempatan

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK – SEJARAH LISAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Johor berbesar hati untuk menemubual pihak tuan/puan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik Sejarah Lisan yang bertemakan '**Segar Amat Bumi Bertuah**'

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral History Documentation**" (IMR604).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:-


NAMA PELAJAR	NOMBOR PELAJAR
MUHAMMAD ARIFF BIN MAZLAN	2022923813
MOHAMMAD AMIRUL AZREE BIN ZULKARNAIN	2022905849

5. Untuk makluman pihak tuan/puan, objektif kerja kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah dan teknik pelaksanaan sejarah lisan di samping **mengumpulkan kisah-kisah dan maklumat sejarah tempatan** untuk rujukan di masa akan datang. Temubual ini tidak akan melibatkan sebarang bentuk ganjaran daripada pihak kami. Mohon juga pihak tuan/puan supaya menandatangani **PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN** seperti yang dilampirkan.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



AZURA ABDUL JAMIL @ KAMARUZZAMAN
Pensyarah Kanan
b.p Ketua Pusat Pengajian Bidang Pengurusan Maklumat
Kolej Pengkomputeran, Informatik & Media




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Borhan bin Sulaiman K/P: S102 10 01 5041 pada
23/8/2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.


.....
(Nama tokoh Borhan bin Sulaiman)
Tarikh: 20/15/2023

.....
(Nama pensyarah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.2 SENARAI SOALAN

SOALAN PROJEK SEJARAH LISAN

(KAMPUNG BATU BADAK)

Tokoh Pengkisah: Encik Borhan bin Sulaiman

Pelajar: 1) Muhammad Ariff bin Mazlan

2) Mohammad Amirul Azree bin Zulkarnain

Bahagian 1: Soalan Orentasi

1. Bolehkah tuan ceritakan sedikit tentang latar belakang diri tuan?
 - a) Nama penuh
 - b) Nama ringkas/ Gelaran
 - c) Tempat lahir
 - d) Tarikh lahir dan umur
 - e) Adakah Encik merupakan anak Jati Kg. Batu Badak?
 - f) Tempoh bertapak di Kg. Batu Badak
2. Boleh ceritakan sedikit tentang sejarah Pendidikan tuan?
 - a) Sekolah rendah di mana?
 - b) Tahun mula dan tamat sekolah rendah?
 - c) Sekolah menengah di mana?
 - d) Tahun mula dan tamat sekolah menengah?
 - e) Apakah yang mendorong Encik dalam meminati bidang pengumpulan bahan atau fakta Sejarah Kg. Batu Badak ini?
3. Bolehkah tuan menceritakan sedikit mengenai sejarah pekerjaan tuan sejak awal?
 - a) Bilakah tuan telah mencuburi bidang pekerjaan?
 - b) Apa yang mendorong tuan untuk mencuburi bidang pekerjaan?
 - c) Jenis pekerjaan awal tuan?
 - d) Pekerjaan terkini tuan?
4. Bolehkah tuan ceritakan tentang penglibatan tuan dalam Persatuan Sejarah

Segamat?

- a) Sejak bilakah tuan menyertai Persatuan ini?
- b) Adakah yang mendorong tuan untuk menyertai persatuan ini?
- c) Adakah persatuan ini ada memberi elaun kepada tuan atau para ahli yang lain?

Bahagian 2: Soalan Umum

1. Bolehkah tuan ceritakan tentang asal usul Kg. Batu Badak ini?
 - a) Adakah yang mendorong kampung ini dinamakan sebagai Kg. Batu Badak?
 - b) Siapakah tokoh perintis yang bertanggungjawab pada pembukaan awal kampung ini?
 - c) Bagaimanakah keadaan awal sebelum pembukaan kampung ini? Adakah sudah terdapat penempatan manusia sebelum kampung ini diperkenalkan?

Bahagian 3: Soalan Khusus

1. Bolehkah tuan kongsikan tentang sejarah pentadbiran dan juga ekonomi awal di Kampung Batu Badak ini?
 - a) Bagaimanakah corak pentadbiran awal Kampung ini?
 - b) Bagaimanakah corak pentadbiran terkini di Kampung Batu Badak? (Siapakah ketua kampung? / Adakah kampung ini terdapat carta bagi jawatan ahli jawatankuasa kampung?)
 - c) Adakah tuan tahu apakah jenis aktiviti yang menyumbang kepada ekonomi penduduk kampung pada awal pembukaan dahulu? (memancing/ berkebun/ petani)
2. Bolehkah tuan menceritakan apakah aktiviti sosial atau gaya hidup masyarakat Pada awal pembukaan Kampung Batu Badak?
 - a) Adakah adat tradisi yang diterjemahkan pada ketika itu?
 - b) Adakah masyarakat lebih tertumpu kepada kegiatan memburu dan mencucuk tanam?
 - c) Adakah pemakaian yang dipakai oleh mereka pada ketika itu?

- d) Adakah ajaran islam pada ketika itu kuat?
- e) Adakah terdapat amalan-amalan yang dipraktikkan oleh mereka?
- f) Adakah makanan yang spesial yang sering dimakan oleh masyarakat K. Batu Badak pada ketika itu?

Bahagian 4: Maklumat tambahan

1. Bolehkah encik menceritakan tentang Batu Nesan Acheh?
 - a) Dimanakah encik Borhan menjumpai Batu Nesan Acheh ini?
 - b) Tahun bilakah encik menemukan batu nesan ini?
 - c) Adakah ada cerita di sebalik Batu Nesan Acheh yang telah dijumpai oleh encik?
 - d) Adakah encin menjumpai batu nesan ini dalam bentuk yang asal?
 - e) Adakah encik tahu batu nesan ini diperbuat dari apa?
 - f) Adakah ada kesan tinggalan yang terdapat di batu nesan ini?

2. Adakah encik ada maklumat-maklumat lain berkenaan Kampung Lubok Batu?
 - a) Adakah penyebab sungai Segamat ini mati?
 - b) Bolehkah encik menceritakan sedikit maklumat yang menarik yang kami tidak tahu?
 - c) Adakah ada kisah mitos atau cerita rakyat berkenaan dengan kampung ini?
 - d) Adakah Kampung Batu Badak ini pernah dilanda banjir?

3. Bolehkah encik mnceritakan serba sedikit tentang pembangunan dan kemajuan semasa di kampung ini?
 - a) Sepanjang encik hidup di sini adakah ada perubahan yang berlaku di sini?
 - b) Adakah dengan kemajuan yang sedang berlaku di sini memberikan impak kepada sejarah Kampung Batu Badak sama ada kesan buruk atau baik?

11.3 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/ LOKASI	TINDAKAN
20 APRIL 2023 KHAMIS	1000 – 1200 SL120	<ul style="list-style-type: none"> Pendedahan tentang Sejarah Lisan telah diberi Oleh Puan Azura binti Abdul Jamil@ Kamarudzzaman
7 MEI 2023 AHAD	2000 APLIKASI WHATSAPP	<ul style="list-style-type: none"> Puan Azura telah meminta kesemua pelajar mengisi nama setiap ahli kumpulan seramai 2 orang bagi setiap kumpulan Muhammad Ariff dan Amirul Azree telah bersetuju untuk bekerjasama bagi menyelesaikan tugas ini
7 MEI 2023 AHAD	2346 APLIKASI WHATSAPP	<ul style="list-style-type: none"> Puan Azura telah memberikan tajuk Projek Sejarah Lisan kepada semua pelajar Tokoh/ Pengkisah telah ditetapkan bagi setiap Ahli kumpulan Encik Borhan bin Sulaiman (Pengkisah) iaitu tajuk Sejarah Kg. Batu Badak merupakan tajuk yang diperolehi oleh kumpulan kami.
15 MEI 2023 ISNIN	1400 RUMAH SEWA	<ul style="list-style-type: none"> Ariff dan Azree telah menghubungi Encik Borhan bin Sulaiman dan menerangkan secara teliti kepada Encik Borhan bagi Projek Sejarah Lisan yang bakal dijalankan. Encik Borhan bersetuju untuk mengadakan pertemuan pertama bagi tujuan suai kenal pada tarikh 20 MEI 2023
20 MEI 2023 SABTU	1400 – 1600	<ul style="list-style-type: none"> Ariff dan Azree telah berkunjung ke rumah Encik Borhan bagi tujuan

	KEDIAMAN PENGKISAH	perjumpaan pertama bagi Projek Sejarah Lisan <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh 23 JUN telahpun dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi menjalankan sesi temubual rasmi berkaitan Sejarah Kg. Batu Badak.
21 MEI 2023 AHAD	0900 RUMAH SEWA	<ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan maklumat yang diperolehi ketika pertemuan pertama, Ariff dan Azree telah mula membangunkan Proposal dan juga soalan bagi memudahkan pihak responden mengatur jawapan yang strategik dan efektif.
13 JUN 2023 SELASA	2100 KEDIAMAN PENGKISAH	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan yang telahpun siap dibina diberikan 10 hari awal sebelum hari sesi temubual yang sebenar bagi tujuan memudahkan responden mengkaji soalan yang dibangunkan dan boleh membuat persediaan dengan lebih teratur.
20 JUN 2023 SELASA	1000 PLATFORM U-FUTURE	<ul style="list-style-type: none"> • Proposal yang dibangunkan telahpun dihantar kepada Puan Azura binti Abdul Jamil@Kamarudzzaman melalui platform U-future.
23 JUN 2023 JUMAAT	1500 – 1700 KEDIAMAN PENGKISAH	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi temubual bagi tujuan pembangunan transkrip telah dijalankan selama 1 jam 10 minit dan 10 saat dan dirakam secara audio yang bakal direkodkan dalam bentuk CD.

25 JUN 2023 AHAD	1000 KEDIAMAN MASING- MASING	<ul style="list-style-type: none"> • Ariff dan Amirul menjalankan perbincangan secara dalam talian melalui Google Meet bagi membincangkan tentang pembangunan Transkrip. • Ariff dan Azree mula menulis transkrip mengikut bahagian yang telah diberikan sama rata semasa perbincangan.
6 JULAI 2023 KHAMIS	1000 – 1200 SL120	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Azura telahpun menerangkan tentang bagaimana untuk membangunkan penulisan Artikel. • Garis Panduan Artikel • “Susuk Batu Menyerupai Badak, Hatta Terbitlah Gagasan Sempena Kampung Batu Badak” telah menjadi tajuk pilihan bagi penulisan artikel
17 JULAI 2023 ISNIN	1400 RUMAH SEWA	<ul style="list-style-type: none"> • Transkrip telah dikompilasikan bagi tujuan percentakkan dan penjilidan buku transkrip. • Artikel telahpun berjaya disiapkan dalam bentuk softcopy dan bakal dicetak • Audio rakaman sesi temubual telah dibangunkan dalam format CD
20 JULAI 2023 KHAMIS	0900 PLATFORM UFUTURE DAN A104	<ul style="list-style-type: none"> • Transkrip dan Artikel dalam softcopy telah dihantar di platform U-Future Uitm. • Transkrip, CD rakaman Audio dan Artikel dalam bentuk Hardcopy telahpun di hantar di bilik Puan Azura iaitu di A104

11.4 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN

